



Bank Komuniti Anda  
*Your Community Bank*

KAMI DI SINI

**Terus Maju** BERSAMA ANDA

WE ARE EXPANDING FOR YOU

# RASIONAL KULIT COVER RATIONALE

BSN merupakan penyedia akses perbankan kepada lebih 7 juta pelanggan daripada segenap lapisan masyarakat di seluruh negara. Sebagai sebuah institusi kewangan yang menjaga simpanan rakyat dan turut bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan mereka, BSN terus memperluaskan perkhidmatannya di seluruh negara untuk menjangkau lebih ramai rakyat Malaysia. Melalui perkhidmatan kewangan dan produk yang komprehensif, kami menggalakkan simpanan, pelaburan dan pengurusan kewangan yang bijak dan akan terus berjasa kepada semua.

Visual kesan riak air di kulit Laporan Tahunan ini mencerminkan komitmen berterusan kami untuk terus berkembang dan berbakti kepada semua rakyat Malaysia.

---

*BSN serves more than 7 million customers and provides banking accessibility to all segments of the community throughout the country. As the financial custodian over people's savings and being responsible for their financial matters, BSN will keep expanding throughout the nation in order to reach out to more Malaysians. Through our comprehensive financial services and products, we have encouraged savings, investments and smart financial management and are here to stay and continue serving all.*

*This year's theme is portrayed by the expanding water ripple effect on the cover, a visual element that reflects our continued commitment to grow and serve all Malaysians.*







# kandungan

## contents

- 002 Kenyataan Timbalan Pengerusi
- 004 Ahli-Ahli Lembaga Pengarah  
*Board Of Directors*
- 006 Profil Lembaga Pengarah  
*Board Of Directors' Profile*
- 010 Pengurusan  
*Management*
- 012 Pernyataan Tadbir Urus Korporat
  - 012 Pengurusan Risiko
  - 015 Pernyataan Tadbir Urus
  - 019 Kenyataan Audit Dalaman
- 020 Laporan Aktiviti
- 024 Sorotan Media

## PENYATA KEWANGAN

- 026 Sijil Ketua Audit Negara
- 027 Penyata Pengerusi Dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah
- 027 Pengakuan Oleh Pegawai Utama Yang Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Kewangan Bank Simpanan Nasional
- 028 Laporan Para Pengarah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011
- 030 Laporan Jawatankuasa Syariah
- 031 Penyata Kedudukan Kewangan
- 032 Penyata Pendapatan Komprehensif
- 034 Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Disatukan
- 035 Penyata Perubahan Dalam Ekuiti
- 036 Penyata Aliran Tunai
- 038 Nota Kepada Penyata Kewangan
  
- 221 Hubungi Kami

# KENYATAAN TIMBALAN PENGERUSI



DATUK NOZIRAH BAHARI TIMBALAN PENGERUSI

DENGAN SUKACITANYA, BAGI PIHAK LEMBAGA PENGARAH, SAYA MEMBENTANGKAN LAPORAN TAHUNAN DAN PENYATA KEWANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL (BSN) BAGI TAHUN KEWANGAN 2011.

## EKONOMI MALAYSIA

Secara keseluruhan, fundamental ekonomi Malaysia masih lagi kukuh dan berdaya saing. Ini terbukti dengan pertumbuhan ekonomi domestik yang tidak terkesan teruk dengan kesuraman ekonomi global akibat kemelut kewangan zon Euro dan Amerika Syarikat. Keupayaan Malaysia mengekalkan pertumbuhan sederhana menunjukkan ekonomi kita masih berdaya tahan. Prestasi ekonomi Malaysia kekal mampan di mana dari sudut permintaan, aktiviti perbelanjaan penggunaan dan pelaburan swasta menjadi peneraju utama pertumbuhan ekonomi. Sementara itu sudut penawaran pula dipacu oleh peningkatan dalam teknologi dan produktiviti tenaga kerja serta penggunaan modal insan yang efisien.

Keadaan pembiayaan terus menyokong aktiviti ekonomi. Ini adalah hasil daripada permintaan terhadap pembiayaan daripada sektor awam dan swasta yang disokong oleh akses kepada pembiayaan yang berterusan, kos peminjaman yang agak rendah dan mudah tunai dalam sistem kewangan yang lebih daripada mencukupi.

Sistem perbankan dan kewangan terus kukuh dengan nisbah modal berwajaran risiko pada 14.8 peratus. Rizab antarabangsa sehingga suku tahun keempat (15 September) berjumlah RM414.5 bilion yang membolehkan negara membiayai import tertanggung. Selain itu langkah kerajaan melaksanakan transformasi dalam sektor awam, ekonomi dan politik turut memberikan kesan positif masa depan ekonomi Negara.

[Sumber Laporan: Bank Negara Malaysia]

## PRESTASI KEWANGAN

Dalam persekitaran perkembangan ekonomi yang sedemikian, pada tahun 2011, BSN telah mencatatkan keuntungan yang amat memberangsangkan. Pada tahun 2011, dengan inisiatif-inisiatif untuk menjana lebih keuntungan dan pendapatan yang mampan menyaksikan BSN terus memperkukuhkan kedudukannya sebagai sebuah Bank yang diurusadbir secara berkesan bagi mengimbangi keperluan komersil dan kepentingan sosial.

Pada tahun 2011, BSN merekodkan prestasi kewangan yang baik dengan keuntungan operasi sebelum cukai sebanyak RM473.9 juta. Pencapaian ini menunjukkan BSN telah mencapai unjuran dan sasaran yang telah dirancang. Aktiviti Pembiayaan, Pelaburan, Pemulihan Hutang dan Pendapatan Fi serta Kawalan Perbelanjaan yang konsisten menjadi faktor penyumbang kepada kejayaan prestasi ini. Pinjaman/

Pembiayaan Persendirian dan Perumahan adalah salah satu penyumbang terbesar kepada peningkatan dalam aset portfolio Bank dan seterusnya kepada keuntungan selepas cukai bagi tahun 2011. Jumlah Pinjaman/Pembiayaan Persendirian dan Perumahan kasar telah meningkat sebanyak 12.7% dan 5.3% pada tahun 2011.

Jumlah keseluruhan deposit telah meningkat sebanyak RM1,676.7 juta atau 9.4% kepada RM19,584.7 juta berbanding tahun 2010. Jumlah deposit runcit BSN pada tahun 2011 telah mencapai nilai simpanan sebanyak RM10,444.9 juta. Aset keseluruhan telah meningkat sebanyak RM2,048.1 juta di mana sebahagian besar peningkatan disumbangkan oleh produk pinjaman berjumlah RM1,176.4 juta yang mana Pinjaman/Pembiayaan Persendirian dan Perumahan merupakan penyumbang terbesar dalam produk pinjaman/pembiayaan.



Portfolio Perbankan Islam yang dipelopori oleh BSN turut menunjukkan potensi yang positif. Dalam tahun 2011, Perbankan Islam telah menunjukkan pertumbuhan aset sebanyak RM1,935.2 juta daripada RM7,100.0 juta pada tahun 2010. Pertumbuhan ini mencatatkan peningkatan sebanyak 27.3% dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan rizab daripada RM489.1 juta dalam tahun 2010 kepada RM712.4 juta dalam tahun 2011.

BSN juga telah mengambil inisiatif untuk mengembangkan portfolio perbankan Islamnya dengan menyediakan prasarana kemudahan pembiayaan yang berteraskan prinsip syariah. Untuk terus menjadi salah satu peserta dalam persekitaran perbankan Islam yang kian bersepadu, BSN telah mengambil satu lagi langkah ke hadapan dengan menyediakan pusat untuk menawarkan kemudahan perbankan Islamnya. Dalam tahun 2011, BSN mempunyai 72 cawangan perbankan Islam yang beroperasi di seluruh negara. Ini adalah bertujuan untuk mempertingkatkan keupayaan perkhidmatan perbankan Islam kepada semua pelanggan BSN yang sedia ada dan pelanggan baru.

Bagi tahun 2011, BSN merekodkan akaun kejejatan kolektif sebanyak RM338.6 juta atau 2.8% dari jumlah pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan. Di samping itu BSN masih mengekal dan mempertingkatkan pengurusan risiko kredit melalui penambahbaikan proses penilaian kredit, latihan dan usaha pungutan hutang.

Akses kepada kemudahan perbankan masih lagi menjadi agenda utama BSN di dalam mandat sosialnya. Untuk memastikan saluran penyampaiannya memenuhi kehendak pelanggan yang semakin canggih, BSN telah menyediakan 389 rangkaian cawangan, 928 buah mesin ATM dan 193 Mesin Deposit Tunai di seluruh negara setakat 31 Disember 2011.

Tahun 2011 juga menyaksikan BSN terus memastikan komuniti-komuniti di kawasan luar bandar tidak ditinggalkan di mana 4 cawangan bertaraf sosial telah beroperasi iaitu di Belaga, Sarawak dan di Beluran, Kinabatangan dan Telupid, Sabah. Ini merupakan inisiatif BSN untuk terus kekal sebagai sebuah bank komuniti yang prihatin dalam menyediakan akses perbankan yang lebih efisien dan komprehensif serta memastikan keperluan komuniti di kawasan luar bandar dan pedalaman tidak ditinggalkan.

Pada tahun 2011, BSN terus memacu portfolio Mikro Kewangannya dengan progresif. BSN lebih agresif dalam membantu usahawan-usahawan mikro tempatan untuk terus berdaya saing. Segala proses kelulusan dan pemantauan pinjaman dilaksanakan dengan efisien. Sejumlah 58 Pusat Mikro Kewangan telah beroperasi.

Setakat bulan Disember 2011 BSN telah berjaya mengeluarkan pinjaman sebanyak lebih kurang RM105.9 juta kepada 5,594 orang peminjam yang layak. BSN juga telah membuka kiosk cawangan T.E.M.A.N Gopeng, di mana ianya menempatkan kiosk Mikro Kewangan yang beroperasi selama 7 hari seminggu. Ini merupakan komitmen BSN untuk terus menyediakan kemudahan pada semua lapisan masyarakat yang layak untuk mendapatkan kemudahan ini.

Untuk kekal kompetitif, BSN juga telah menawarkan produk-produk seperti Kad Kredit Platinum MasterCard, Kad BSN Zing PLUSMiles dan kemudahan perkhidmatan perancang kewangan. Di samping itu BSN juga terus menyokong visi kerajaan untuk meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat dengan menjadi salah satu agen pelaksana dalam Program Dana Pinjaman bagi Penduduk Kampung Baru dan pembiayaan bagi Program Rumah Mesra Rakyat.

#### LEMBAGA PENGARAH

Kecemerlangan Bank turut bergantung kepada corak kepimpinan yang mendukung nilai-nilai organisasi serta visi untuk perkhidmatan yang cekap dan berdaya maju. Dalam konteks ini, Lembaga Pengarah menjadi elemen utama yang memberi sokongan dan pendapat bernaas dalam menjayakan usaha-usaha penambahbaikan yang dilaksanakan.

Saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan kepada semua rakan sejawat saya di Lembaga Pengarah yang telah sama-sama memberi pandangan dan ide dalam menentukan arah tuju Bank. Saya percaya sokongan padu ini akan berterusan untuk kebaikan semua.

#### KATA-KATA PENUTUP

Kejayaan yang dikecapi oleh BSN adalah berkat sokongan positif dari pelbagai pihak. Saya bagi pihak Lembaga Pengarah ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan penghargaan ke atas kerjasama yang telah diberikan oleh semua agensi terutamanya Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia.

Tidak lupa juga penghargaan saya kepada Pengurusan dan Kakitangan Bank atas usaha dan dedikasi yang telah menyumbang kepada prestasi BSN yang memberangsangkan. Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pelanggan di atas sokongan dan keyakinan yang berterusan terhadap kemampuan kami.



**DATUK NOZIRAH BAHARI**

TIMBALAN Pengerusi, BANK SIMPANAN NASIONAL

## AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH BOARD OF DIRECTORS



Dari kiri/From left

**Y. Bhg. Datuk Nozirah Bahari**  
(Timbalan Pengerusi/  
Deputy Chairman)

**Y. Bhg. Dato' Mohd Ali Abd Samad**  
(Ahli sehingga 25 September  
2011/Member until  
25 September 2011)

**Y. Bhg. Dato' Ng Kam Cheung**  
(Ahli/Member)

**Y. Bhg. Dato' V. Danapalan**  
(Ahli/Member)



Dari kiri/From left

**Tuan Hj. Ghazali Awang**  
(Ahli/Member)

**Y. Bhg. Datuk Adinan  
Maning**  
(Ahli/Member)

**Encik Alex Foong Soo Hah**  
(Ahli/Member)

**Encik Md. Tajuddin  
Md. Isa**  
(Ahli/Member)

## PROFIL LEMBAGA PENGARAH BOARD OF DIRECTORS' PROFILE

### **DATUK NOZIRAH BAHARI**

Datuk Nozirah Bahari dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 1 Jun 2007. Pada masa ini, Datuk Nozirah ialah Timbalan Pengerusi Bank Simpanan Nasional.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dari Universiti Sains Malaysia dan Diploma dalam Pentadbiran Awam dari INTAN.

Beliau mempunyai lebih daripada 30 tahun pengalaman dalam sektor awam, terutamanya dalam bidang pengurusan kewangan. Beliau memulakan kerjayanya di Perbendaharaan Malaysia pada 1981, dan telah berkhidmat di beberapa kementerian dalam pelbagai jawatan yang meliputi perancangan ekonomi, pengurusan perolehan dan pengurusan kewangan. Beliau kini bertugas di Kementerian Kewangan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan).

Pada masa ini, beliau merupakan Ahli Lembaga Pengarah Tenaga Nasional Berhad, Proton Holdings Berhad, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA).

*Datuk Nozirah Bahari was appointed to the Board on 1 June 2007. Datuk Nozirah is currently the Deputy Chairman of Bank Simpanan Nasional.*

*She holds a Bachelors Degree in Social Science from University Sains Malaysia and a Diploma in Public Administration from INTAN.*

*She has over 30 years of experience in the public sector, mainly in the area of financial management. She started her career in the Malaysian Treasury in 1981, and has served several ministries in various capacities covering economic planning, procurement management and financial management. She is currently serving the Ministry of Finance as Deputy Secretary General, Treasury (Management).*

*She currently sits on the Board of Tenaga Nasional Berhad, Proton Holdings Berhad, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) and Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA).*

### **DATO' MOHD ALI ABD SAMAD**

Dato' Mohd Ali Abd Samad dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah pada 15 Ogos 2004. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana dalam Dasar dan Pentadbiran Awam dari University of Wisconsin Madison, Amerika Syarikat.

Beliau yang berpengalaman lebih daripada 27 tahun dalam sektor awam telah menyandang pelbagai jawatan. Beliau memulakan kerjayanya di Kementerian Pertahanan dan bersara sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan pada 2003.

Pada masa ini, Dato' Ali merupakan Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Nasional Berhad, Sunchirin Industries (Malaysia) Berhad, New Pantai Expressway Sdn Bhd, ECM Libra Investment Bank Berhad dan beberapa syarikat berhad swasta yang lain.

*Dato' Mohd Ali Abd Samad was appointed to the Board on 15 August 2004. He holds a BA (Hons) from University Malaya and a Masters in Public Policy & Administration from the University of Wisconsin Madison, USA.*

*He has over 27 years' experience in the public sector having served in various positions. He commenced his career with the Ministry of Defence and retired as the State Secretary for Negeri Sembilan in 2003.*

*Dato' Ali currently sits on the Board of Perbadanan Nasional Berhad, Sunchirin Industries (Malaysia) Berhad, New Pantai Expressway Sdn Bhd, ECM Libra Investment Bank Berhad and a few other private limited companies.*



**TUAN HAJI GHAZALI AWANG**

Tuan Haji Ghazali Awang dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah pada 12 Februari 2007. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda dalam Perdagangan (Perakaunan) dari University of Newcastle, Australia dan merupakan Akauntan Berdaftar dengan Institute of Chartered Accountants, Australia dan Institut Akauntan Malaysia. Beliau juga memiliki Diploma dalam Pengajian Islam dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Tuan Haji Ghazali mempunyai pengalaman luas dalam pengauditan, perakaunan dan pengurusan kewangan, dan merupakan Pengarah Kumpulan bagi Perkhidmatan Kewangan dan Korporat di bawah Kumpulan Guthrie dari 1994-2003. Beliau juga pernah menyandang pelbagai jawatan di Kumpulan Syarikat Shell dari 1987-1994 serta pernah berkhidmat di Amanah Saham Nasional Berhad dan Permodalan Nasional Berhad.

Pada masa ini, Tuan Haji Ghazali merupakan Ahli Lembaga Pengarah Heitech Padu Berhad, BIMB Investment Management Berhad, CCM Duopharma Biotech Berhad, Prudential BSN Takaful Berhad dan Lembaga Tabung Haji.

*Tuan Haji Ghazali Awang was appointed to the Board on 12 February 2007. He holds a Bachelor's Degree in Commerce (Accounting) from the University of Newcastle, Australia and is a Registered Accountant with the Institute of Chartered Accountants, Australia and the Malaysian Institute of Accountants. He also holds a Diploma in Islamic Studies from the International Islamic University, Malaysia.*

*Tuan Haji Ghazali has extensive experience in auditing, accounting and financial management and was the Group Director for Financial and Corporate Services under the Guthrie Group from 1994-2003. He has also served the Shell Group of Companies in various capacities from 1987-1994 as well as Amanah Saham Nasional Berhad and Permodalan Nasional Berhad.*

*Tuan Haji Ghazali currently sits on the Board of Heitech Padu Berhad, BIMB Investment Management Berhad, CCM Duopharma Biotech Berhad, Prudential BSN Takaful Berhad and Lembaga Tabung Haji.*

**DATO' V. DANAPALAN**

Dato' V. Danapalan dilantik ke Lembaga Pengarah pada 25 September 2007. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Awam dari Pennsylvania State University, Amerika Syarikat.

Beliau mempunyai lebih daripada 30 tahun pengalaman dalam sektor awam dan telah memegang pelbagai jawatan dalam perkhidmatan Kerajaan. Beliau bersara sebagai Ketua Setiausaha di Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Naib Presiden Kanan di Perbadanan Pembangunan Multimedia dan juga Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dari 2004-2006.

Pada masa ini, Dato' Danapalan merupakan Ahli Lembaga Pengarah Telekom Malaysia Berhad, Universiti Telekom Sdn Bhd, Affin Trust Management Sdn Bhd, Sirim QAS International Sdn Bhd dan Yayasan Universiti Sains & Teknologi Malaysia.

*Dato' V. Danapalan was appointed to the Board on 25 September 2007. He holds a B.A (Hons) from University Malaya and a Masters in Public Administration from Pennsylvania State University USA.*

*He has over 30 years of experience in the public sector and has held various positions in the Government service. He retired as the Secretary General under the Ministry of Science, Technology and the Environment. He also served as the Senior Vice President of the Multimedia Development Corporation as well as the Chairman of the Malaysian Communication and Multimedia Commission from 2004-2006.*

*Dato' Danapalan currently sits on the Board of Telekom Malaysia Berhad, Universiti Telekom Sdn Bhd, Affin Trust Management Sdn Bhd, Sirim QAS International Sdn Bhd and Malaysia University of Science & Technology Foundation.*

## PROFIL LEMBAGA PENGARAH BOARD OF DIRECTORS' PROFILE

### **DATO' NG KAM CHEUNG**

Dato' Ng Kam Cheung dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 25 September 2007. Dato' Ng memegang Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Malaya.

Beliau mempunyai lebih daripada 33 tahun pengalaman dalam sektor awam dengan menyandang pelbagai jawatan di beberapa kementerian. Beliau mula bertugas dalam perkhidmatan kerajaan sebagai Penolong Pengarah di Jabatan Perkhidmatan Awam pada 1973 dan bersara sebagai Pegawai Kewangan Negeri bagi Kerajaan Pulau Pinang.

*Dato' Ng Kam Cheung was appointed to the Board on 25 September 2007. Dato' Ng Holds a Bachelor's Degree in Economics from University Malaya.*

*He has over 33 years of experience in the public sector serving various ministries under various capacities. He started work in the government service as Assistant Director in the Public Services Department in 1973 and retired as the State Financial Officer for the State of Penang.*

### **ENCIK ALEX FOONG SOO HAH**

Encik Alex Foong Soo Hah dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah pada 1 September 2010. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Matematik dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana dalam Sains Aktuari dari North Eastern University, Boston. Beliau merupakan Felo Persatuan Aktuari Amerika Syarikat. Beliau ditauliahkan sebagai Perancang Kewangan Berdaftar (RFP) dan mempunyai kelayakan RFP Syariah pada 2008 dan 2009, masing-masing.

Beliau mempunyai lebih daripada 35 tahun pengalaman dalam industri insurans dengan memulakan kerjayanya sebagai pembantu aktuari dengan kumpulan insurans antarabangsa di Hong Kong. Sebelum ini, beliau ialah Ketua Pegawai Eksekutif Manulife Insurance Berhad dari 1991 hingga Ogos 1996. Kemudian, beliau dilantik sebagai Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Life Assurance Malaysia Berhad dari September 1996 hingga Januari 2008.

Pada masa ini, Encik Alex Foong merupakan Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), Institut Insurans Malaysia serta ahli Jawatankuasa Pengkadaran di Malaysian Rating Corporation Bhd (MARC). Sebelum ini, beliau pernah menyertai Lembaga Pengarah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan MARC. Beliau juga merupakan mantan presiden Life Insurance Association (LIAM) dan juga Persatuan Aktuari Malaysia.

*Encik Alex Foong Soo Hah was appointed to the Board on 1 September 2010. He holds a Bachelors Degree in Mathematics from University Malaya and a Master's Degree in Actuarial Science from North Eastern University, Boston. He is a Fellow of the Society of Actuaries, USA. He obtained his Registered Financial Planner (RFP) and Shariah RFP qualification in 2008 and 2009, respectively.*

*He has over 35 years experience in the insurance industry having started his career as an actuarial assistant with an international insurance group in Hong Kong. He was formerly the CEO of Manulife Insurance Berhad from 1991 to August 1996. From September 1996 to January 2008, he was appointed as the Director and CEO of Great Eastern Life Assurance Malaysia Berhad.*

*Encik Alex Foong currently sits on the Board of Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), Malaysian Insurance Institute, and is a member of the Rating Committee of Malaysian Rating Corporation Bhd (MARC). He previously served on the Board of Directors of Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) and MARC. He was also a past president of the Life Insurance Association (LIAM) as well as the Actuarial Society of Malaysia.*



### ENCIK MD TAJUDDIN MD ISA

Encik Md Tajuddin Md Isa dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 15 September 2010. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dari University of Sheffield, England. Beliau juga memperoleh Diploma Lepas Ijazah dalam Perbankan dan Kewangan Islam dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Sebelum melanjutkan pengajian dalam bidang undang-undang, Encik Md Tajuddin pernah memegang pelbagai jawatan dalam perkhidmatan tentera dari Januari 1979 hingga Ogos 1986. Beliau kini merupakan Rakan Pengurusan Md. Tajuddin & Co yang ditubuhkan pada Julai 1993.

*Encik Md Tajuddin Md Isa was appointed to the Board on 15 September 2010. Encik Md Tajuddin holds a Bachelor Degree in Law from the University of Sheffield, England. He also obtained a Post Graduate Diploma in Islamic Banking and Finance from the International Islamic University, Malaysia.*

*Prior to reading law, Encik Md Tajuddin held various positions in the military service from January 1979 to August 1986. He is currently the Managing Partner of Md. Tajuddin & Co which was set up in July 1993.*

### DATUK ADINAN MANING

Datuk Adinan Maning menyertai Lembaga Pengarah pada 1 Disember 2007. Beliau merupakan Ketua Eksekutif Bank Simpanan Nasional.

Datuk Adinan Datuk Adinan meneruskan pengajian dalam bidang perakaunan di Institut Teknologi MARA (1976 hingga 1979) dan seterusnya menduduki peperiksaan Institut Akauntan Kos dan Pengurusan (kini dikenali sebagai Institut Akauntan Pengurusan Berkanun).

Datuk Adinan memulakan kerjayanya di Bank Bumiputera Malaysia Berhad (BBMB) pada awal 1980 sebagai eksekutif di Ibu Pejabat, Jabatan Pemprosesan Pinjaman dan telah berkhidmat di BBMB selama lapan belas (18) tahun. Sepanjang tempoh itu, beliau telah ditempatkan di pelbagai jabatan di BBMB yang memberi beliau pendedahan dan pengetahuan yang amat berharga dalam menguruskan beliau di BBMB adalah sebagai Pengurus Pembangunan Perniagaan untuk Pinjaman Komersil di Selangor.

Pada akhir 1998, Datuk Adinan memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif kumpulan syarikat Panji Timor Sdn Bhd yang berpangkalan di Negeri Sembilan. Sepanjang tempoh memegang jawatan, beliau mengumpulkan pengalaman yang amat berharga dalam menguruskan unit perniagaan yang melibatkan pembangunan hartanah, pengurusan kompleks dan perkilangan. Pada 2005, Datuk Adinan menyertai Kuantan Flour Mills Berhad sebagai Ketua Pegawai Eksekutif sehingga 31 Disember 2005. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Pengurus Besar Operasi di Prokhas Sdn Bhd sehingga November 2007.

Pada masa ini, beliau merupakan Ahli Lembaga Pengarah BSNC Corporation Berhad dan Prudential BSN Takaful Berhad. Beliau juga merupakan Presiden Institut Bank Simpanan Dunia Wilayah Asia Pasifik, Bendahari Persatuan Badan-badan Berkanun Malaysia, Timbalan Pengerusi Persatuan Institusi-institusi Kewangan Pembangunan Malaysia dan Ahli Jawatankuasa Resolusi Hutang Kecil di Bank Negara Malaysia

*Datuk Adinan Maning was appointed to the Board on 1 December 2007. He is the Chief Executive of Bank Simpanan Nasional.*

*Datuk Adinan pursued accountancy in Institute Teknologi MARA (1976 to 1979) where he completed the examinations of the Institute of Cost and Management Accountants (now known as Chartered Institute of Management Accountants).*

*Datuk Adinan started his career in Bank Bumiputera Malaysia Berhad (BBMB) in early 1980 as an executive in the Loans Processing Department, Head Office and served BBMB for eighteen (18) years. Over the 18 years, he was attached to various departments of BBMB giving him extensive exposure and knowledge in banking. His last position in BBMB was as the Business Development Manager for Commercial Loans in Selangor.*

*In late 1998, Datuk Adinan assumed the post of Chief Executive Officer of Panji Timor Sdn Bhd group of companies based in Negeri Sembilan. During his tenure, he gathered invaluable experience in managing business units involved in property development, complex management and manufacturing. In 2005, Datuk Adinan joined Kuantan Flour Mills Berhad as Chief Executive Officer; holding the position until 31 December 2005. He then joined Prokhas Sdn Bhd as General Manager, Operations until November 2007.*

*He currently sits on the Board of BSNC Corporation Berhad and Prudential BSN Takaful Berhad. He is at present the President of World Savings Banks Institute Asia Pacific Region, Treasurer of Persatuan Badan-Badan Berkanun Malaysia, Deputy Chairman of Association of Development Finance Institution of Malaysia and a Member of the Small Debt Resolution Committee at Bank Negara Malaysia.*

## PENGURUSAN MANAGEMENT



**Datuk Adinan Maning**

Ketua Eksekutif/  
*Chief Executive*



**En. Winston Emmanuel Jeyaprakash**  
Timbalan Ketua Eksekutif  
Pengurusan Kredit &  
Sokongan Perniagaan

*Deputy Chief Executive  
Credit Management &  
Business Support*



**En. Yunos Abd Ghani**  
Timbalan Ketua Eksekutif  
Perbankan Konsumer &  
Pembangunan Perniagaan

*Deputy Chief Executive  
Consumer Banking &  
Business Development*



**En. Hasan Mohamed**  
Timbalan Ketua Eksekutif  
Perbendaharaan &  
Sokongan Korporat  
(Sehingga 31 Oktober  
2011)

*Deputy Chief Executive  
Treasury & Corporate  
Support (Until 31 October  
2011)*



**En. Ahmad Latfan Mohd Amran**  
Timbalan Ketua Eksekutif  
Sokongan Korporat (Dilantik  
mulai 1 Disember 2011)

*Deputy Chief Executive  
Corporate Support  
(Appointed on 1 December  
2011)*

Ketua Juruaudit Dalam,  
Jabatan Audit (Sehingga  
30 November 2011)

*Chief Internal Auditor,  
Audit Department (Until  
30 November 2011)*



**En. M. Zaukifele Ibrahim**  
Ketua,  
Jabatan Khidmat Bayaran

*Head,  
Payment Services  
Department*



**En. Siew Kin Meng**  
Ketua,  
Jabatan Kewangan

*Head,  
Finance Department*



**En. Zainuddin Ahmad**  
Ketua,  
Jabatan Pengurusan  
Sumber Manusia

*Head,  
Human Resource  
Management Department*



**En. Abdullah Aziz Buyong**  
Ketua,  
Jabatan Pembiayaan  
Pinjaman

*Head,  
Credit Origination  
Department*



**En. Akhsan Zaini**  
Ketua,  
Jabatan Perbankan  
Konsumer

*Head,  
Consumer Banking  
Department*



**En. Azaddin Ngah Tasir**  
Ketua,  
Jabatan Perbankan  
Cawangan

*Head,  
Branch Banking  
Department*





**En. Boey Cheng Choong**  
Ketua,  
Pejabat Pengurusan  
Transformasi

*Head,  
Transformation  
Management Office*

**Pn. Joannita Zaleha  
Yusof**  
Ketua,  
Jabatan Khidmat Korporat

*Head,  
Corporate Services  
Department*

**En. Md Shariff Manat**  
Ketua,  
Jabatan Keselamatan

*Head,  
Security Department*

**Dr. Mohd Ridzwan  
Abdul Razak**  
Ketua,  
Jabatan Pengurusan  
Risiko

*Head,  
Risk Management  
Department*

**Pn. Nilammasri Ja'afar**  
Ketua,  
Jabatan Mikro Kewangan

*Head,  
Micro Finance  
Department*



**En. Ahmad Noh Jeni**  
Ketua,  
Jabatan Perbankan Islam

*Head,  
Islamic Banking  
Department*

**En. Arman Sa'at**  
Ketua, Jabatan  
Perbendaharaan &  
Pelaburan  
(Dilantik pada 17 Oktober  
2011)

*Head, Treasury &  
Investment Department  
(Appointed on 17 October  
2011)*

**Pn. Jamaliah Ibrahim**  
Ketua,  
Jabatan Teknologi  
Maklumat

*Head,  
Information Technology  
Department*

**En. Kamel Effendy  
Mohd Razali**  
Ketua,  
Jabatan Kawalan Kredit

*Head,  
Credit Control  
Department*

**En. Rosman Ramlian**  
Ketua,  
Bahagian Pentadbiran Am

*Head,  
General Administration  
Division*

# PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

## PENGURUSAN RISIKO

### RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

Pembentukan rangka kerja Pengurusan Risiko di Bank menentukan hala tuju strategik dalam tadbir urus dan infrastruktur pengurusan risiko, dasar risiko, proses risiko, pemilikan risiko dan tanggungjawab. Penekanan utama budaya pengurusan risiko di Bank adalah kesedaran risiko dan pemilikan risiko yang berterusan yang diterajui oleh Jabatan Pengurusan Risiko di seluruh Bank melalui latihan berstruktur dan pemupukan amalan baik dalam pengurusan risiko dalam kerja seharian sambil menanamkan rasa pemilikan risiko oleh setiap pemilik perniagaan dan fungsi.

### STRUKTUR TADBIR URUS RISIKO

Dasar Risiko dan Tahap Risiko	1. Lembaga Pengarah 2. Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko
Memastikan pelaksanaan dasar dan pematuhan	Jawatankuasa peringkat pengurusan termasuk 1. Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko 2. Jawatankuasa Aset dan Liabiliti 3. Jawatankuasa Syariah
Dilaksanakan dan Dipatuhi	Semua pemilik perniagaan dan fungsi

**Jaminan Bebas:** Jawatankuasa Lembaga Audit

Lembaga Pengarah, yang disokong oleh Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko, bertanggungjawab secara keseluruhannya untuk mengawasi pengurusan risiko di Bank. Dasar risiko dan tahap risiko yang diluluskan oleh Lembaga membentuk bahagian penting dalam pelan perniagaan tahunan yang telah diluluskan oleh Lembaga.

Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko dibantu oleh Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Aset dan Liabiliti yang bertanggungjawab mengawasi pembentukan dasar risiko yang berkaitan, menilai keberkesanan dasar risiko, menyemak semula kecukupan pendedahan risiko terhadap komposisi portfolio dan kecukupan sistem dan proses yang menyokong fungsi pengurusan risiko. Jawatankuasa Syariah bertanggungjawab membantu Lembaga Pengarah dalam mematuhi keperluan Syariah.

Semua pemilik perniagaan dan fungsi, sebagai barisan pertama pertahanan, bertanggungjawab mengenal pasti, mengurangkan dan memantau risiko dalam skop perniagaan mereka sendiri. Jabatan ini bertanggungjawab untuk memastikan aktiviti perniagaan harian mereka dijalankan mengikut selera dan had risiko perniagaan yang diluluskan.

Jawatankuasa Lembaga Audit, yang disokong oleh Jabatan Audit Dalaman, bertanggungjawab untuk memberikan kepastian bebas dari segi kecukupan dan keandalan proses pengurusan risiko, sistem kawalan dalaman dan pematuhan dasar risiko dan keperluan dalaman.

**Bidang risiko utama dan pendekatan pengurusan risiko yang berkaitan di BSN adalah seperti yang berikut:**

RISIKO	TAKRIF	PENDEKATAN PENGURUSAN RISIKO
1. Pengurusan Risiko Organisasi	Risiko Organisasi merujuk kepada risiko yang boleh menghalang pencapaian objektif perniagaan dalam organisasi.	i. Penjajaran objektif perniagaan dengan matlamat perniagaan di peringkat Korporat dan juga di peringkat jabatan. ii. Pembentukan Daftar Risiko Utama oleh setiap jabatan perniagaan sebagai alat untuk menguruskan risiko secara proaktif pada puncanya.
2. Pengurusan Risiko Kredit	Risiko Kredit ialah potensi kerugian pendapatan akibat daripada kegagalan pelanggan atau pihak kaunterpart (daripada aktiviti pinjaman dan pelaburan) untuk memenuhi obligasi mereka seperti yang dijadualkan.	i. Budaya kredit berterusan di seluruh Bank melalui latihan berstruktur dan tidak formal. ii. Menyesuaikan prinsip Peminjaman Bertanggungjawab ke dalam dasar kredit sedia ada. iii. Menyemak semula dan mengemas kini dasar kredit dan garis panduan kredit sedia ada. iv. Menyemak semula dan mempertingkatkan model penskoran kredit sedia ada untuk memastikan perkaitannya.



RISIKO	TAKRIF	PENDEKATAN PENGURUSAN RISIKO
3. Pengurusan Risiko Pasaran	Risiko Pasaran terdiri daripada risiko harga ekuiti dan risiko harga bon, yang merupakan risiko kerugian yang ditanggung akibat daripada pergerakan bertentangan harga dalam pasaran.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pemantauan berkala tentang keadaan pasaran dan kesan perniagaan yang setara dengannya yang memberikan kesan kepada BSN.</li> <li>ii. Menyemak semula dan mempertingkatkan dasar risiko pasaran sedia ada dan dasar pengurusan aset dan liabiliti.</li> <li>iii. Menggunakan <i>tool</i> yang berkaitan contohnya, Jurang Penentuan Semula Harga, Perolehan Berisiko dan Nilai Ekuiti Ekonomi untuk mengenalpasti kesan daripada risiko kadar faedah terhadap portfolio Bank.</li> </ul>
4. Pengurusan Risiko Operasi	Risiko Operasi ialah risiko kerugian hasil daripada ketidakcukupan atau kegagalan proses dalaman, orang dan sistem atau daripada kejadian luaran.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Rangka kerja pengurusan risiko operasi menetapkan pendekatan Kumpulan untuk mengenal pasti, menilai, memantau dan mengurangkan risiko operasi.</li> <li>ii. Pelbagai <i>tool</i> dan kaedah digunakan untuk menguruskan risiko operasi dalam tahap yang boleh diterima.</li> </ul>
5. Pengurusan Risiko Kecairan	Risiko Kecairan ialah risiko ketidakupayaan untuk mengekalkan aset cair yang mencukupi bagi memenuhi komitmen dan obligasi kewangan seperti dan apabila ia telah tamat tempoh dan pada kos yang munasabah.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Berusaha untuk mendapatkan deposit daripada pelanggan runcit sebagai deposit runcit, setara dengan gambaran kadar faedah.</li> <li>ii. Menyediakan pelan sokongan luar jangka kecairan.</li> </ul>
6. Risiko Tak Patuh Syariah	Risiko Tak Patuh Syariah ialah risiko kegagalan untuk mematuhi peraturan dan prinsip Syariah seperti yang ditentukan oleh pihak berkuasa Syariah yang berkenaan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pembentukan Dasar Tadbir Urus Syariah yang dipandu oleh Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah BNM mencakupi fungsi ini, iaitu Semakan Semula dan Pematuhan Syariah, Penyelidikan Syariah, Pengurusan Risiko Syariah dan Audit Syariah.</li> <li>ii. Berdasarkan di atas, fungsi dan proses utama dibangunkan untuk menyokong tahap operasi aktiviti Perbankan Islam.</li> </ul>
7. Risiko Komersil Teralih	Risiko Komersil Teralih (DCR) ialah risiko yang menanggung kerugian risiko kredit dan risiko pasaran akibat daripada pembayaran pulangan yang melebihi pulangan sebenar yang sepatutnya diperolehi daripada pemegang akaun pelaburan berdasarkan nisbah perkongsian untung kontraktual.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pembentukan dasar DCR yang mewujudkan tadbir urus, peranan dan tanggungjawab pemegang kepentingan yang berkaitan.</li> <li>ii. Penggunaan Rizab Penyamaan Keuntungan (PER) yang dikawal oleh dasar PER.</li> </ul>

## PERKEMBANGAN UTAMA PADA TAHUN 2011

### 1. Pengurusan Risiko Organisasi

Bank telah melabur dalam pembangunan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi (ERM) sebagai salah satu rangka kerja risiko utama yang menyokong pencapaian objektif perniagaan. Setiap perniagaan dan fungsi sokongan masing-masing telah dimaklumkan tentang perkara ini yang antara lainnya, termasuklah penjajaran objektif perniagaan yang berkaitan dengan keseluruhan matlamat perniagaan Bank. Daftar risiko utama dibangunkan oleh setiap jabatan sebagai alat pengurusan yang proaktif untuk menguruskan risiko secara proaktif dan berstruktur.

Buat masa ini, Bank masih meneruskan beberapa inisiatif strategik untuk mengukuhkan pengurusan risiko organisasi di seluruh bank.

### 2. Pengurusan Risiko Kredit

Didorong oleh tahap risiko perniagaan Bank, fungsi pengurusan risiko kredit adalah untuk menguruskan pendedahan risiko kredit ke tahap yang boleh diterima berbanding modal, dan untuk memastikan pulangan optimum setara dengan risiko yang diambil.

## PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

Bank telah menggunakan garis panduan pembiayaan yang berkaitan untuk menguruskan tahap pendedahannya bagi mengelakkan tumpuan tak sewajarnya terhadap risiko kredit dalam portfolio pembiayaannya seperti segmen perniagaan, produk, sektor ekonomi, had pendedahan seorang pelanggan, kumpulan bukan sasaran, kolateral dan sebagainya.

Pengurusan risiko kredit dikawal oleh dasar berkaitan kredit yang lengkap yang pada masa ini digabungkan ke dalam Dasar Risiko Kredit, Garis Panduan Kredit dan garis panduan lain yang berkaitan bagi bank tersebut selaras dengan Amalan Terbaik BNM bagi Pengurusan Risiko Kredit, Garis Panduan tentang Pembiayaan Bertanggungjawab dan Garis Panduan lain yang berkaitan. Dasar dan garis panduan telah disemak semula dan sentiasa dikemas kini selaras dengan tahap risiko Bank.

Selain inisiatif Pengurusan Risiko Kredit, Bank telah memulakan inisiatif untuk melaksanakan sistem pengkadaran risiko dalamannya sendiri untuk pembiayaan pengguna yang menggabungkan faktor kuantitatif dan kualitatif pihak kaunterpart. Pengkadaran risiko kredit ialah alat penting untuk memantau kualiti kredit individu, serta keseluruhan portfolio. Justeru itu, Bank dari semasa ke semasa akan menyemak semula sistem pengkadaran agar selaras dengan ciri, saiz dan kerumitan aktiviti Bank.

Bank juga telah menggunakan pendekatan *stress testing* mengikut parameter dan garis panduan yang ditetapkan dalam Garis Panduan BNM tentang *stress testing*. Keputusan *stress testing* akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko dan Lembaga untuk pertimbangan dan tindakan yang sewajarnya.

### 3. Pengurusan Risiko Pasaran

Tahun ini menyaksikan bahawa kesan ekonomi akibat daripada pemulihan ekonomi AS yang perlahan dan krisis hutang Euro telah menyebabkan kemudahubahan dalam pasaran kewangan global. Ini mencerminkan turun naik dalam pasaran pertukaran mata wang asing, kemudahubahan harga dalam pasaran ekuiti dan pasaran bon serta meluaskan spread dan peralihan kredit dalam kecairan global.

Bank terdedah kepada risiko kemudahubahan pasaran dari segi pelaburannya dalam sekuriti dan ekuiti yang tersedia untuk jualan (AFS). Ini diuruskan melalui dasar dan had risiko pasaran berhubung dengan sekuriti dan ekuiti.

Untuk menguruskan kenaikan kadar faedah, Bank telah menggunakan, strategi perniagaan untuk mengembangkan lagi aset kadar terapungnya yang bertindak sebagai mekanisme lindung nilai semula jadi untuk mengimbangi kesan perubahan dalam kadar faedah. Keadaan ini seterusnya dibantu dengan menggunakan Nilai Ekuiti Ekonomi (EVE) sebagai alat proaktif untuk menguruskan kesan daripada risiko kadar faedah dalam tempoh jangka panjang. Bank juga menggunakan mekanisme lindung nilai yang akan dilaksanakan apabila perlu, untuk menguruskan risiko kadar faedah.

### 4. Pengurusan Risiko Kecairan

Bank Negara Malaysia telah meningkatkan Keperluan Rizab Berkanun kepada 4% pada tahun itu, sebagai langkah pencegahan untuk menguruskan peningkatan risiko kecairan yang berlebihan dalam pasaran. Untuk mengurangkan kesan daripada keadaan tersebut, Bank seterusnya memberikan tumpuan kepada strategi depositnya terhadap pelanggan runcit khususnya mengimbangi Sijil Simpanan Premium Edisi Khasnya bagi menarik lebih ramai pendeposit runcit.

### 5. Pengurusan Risiko Operasi

Bank telah menyusun semula rangka kerja Pengurusan Risiko Operasinya yang sedia ada bagi membentuk mekanisme kerja yang berkesan untuk semua peringkat operasi di dalam Bank. Latihan berterusan disediakan untuk semua pengendali risiko sebagai sebahagian daripada inisiatif pengurusan risiko strategik bagi menguruskan risiko pada puncanya. Bank juga menggunakan penunjuk risiko utama sebagai penunjuk amaran awal untuk mengenal pasti isu risiko operasi pada peringkat awal.

### 6. Pengurusan Risiko Tak Patuh Syariah

Berdasarkan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah Bank, yang dipandu oleh Bank Negara Malaysia tentang perkara tersebut, Bank telah menggunakan rangka kerja Pengurusan Risiko Syariah yang merangkumi dasar risiko dan prosedur tetap operasi untuk menguruskan ketidakpatuhan syariah serta untuk menyokong pelaksanaan rangka kerja tersebut. Untuk menguruskan risiko komersil teralih, Bank juga telah menggunakan dasar baharu ke atas Risiko Komersil Teralih yang dipandu oleh Bank Negara Malaysia berhubung dengan perkara tersebut.



## PERNYATAAN TADBIR URUS

### LEMBAGA PENGARAH BANK SIMPANAN NASIONAL BERILTIZAM UNTUK MENDUKUNG PRINSIP TADBIR URUS KORPORAT DAN MENYUMBANG KEPADA GARIS PANDUAN BANK NEGARA MALAYSIA TENTANG PIAWAIAN TADBIR URUS KORPORAT BAGI PENGARAH INSTITUSI KEWANGAN PEMBANGUNAN (BNM/RH/GL 005-4).

#### A. LEMBAGA PENGARAH

Buat masa ini, Lembaga Pengarah Bank Simpanan Nasional (BSN) mempunyai 8 pengarah, iaitu 7 daripadanya ialah pengarah bukan eksekutif. Pengarah Eksekutif ialah Ketua Eksekutif BSN. Semua pengarah mempunyai kemahiran dan pengalaman yang diperlukan dalam bidang kepakaran mereka masing-masing dan telah banyak menyumbang terhadap kemajuan dan pembangunan BSN. Latar belakang setiap pengarah diterangkan secara ringkas dalam laporan ini.

Pelantikan Pengarah adalah selaras dengan keperluan yang ditetapkan di bawah BNM/RH/GL 005-4.

Ahli-Ahli Lembaga Pengarah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan untuk membincangkan perkara berkaitan dengan kewangan, strategi dan dasar serta memantau keseluruhan prestasi Bank. Mesyuarat khas Lembaga Pengarah juga diadakan untuk membincangkan hal perniagaan yang memerlukan perhatian segera apabila diperlukan. Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak 14 kali. Kehadiran para Pengarah dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 2011 adalah seperti yang berikut:

Bil.	Pengarah	Kehadiran Mesyuarat
1	Datuk Nozirah Bahari (Timbalan Pengerusi) Bukan Eksekutif Bukan Bebas	14/14
2	Datuk Adinan Maning Eksekutif Bukan Bebas	13/14
3	Dato' Mohd Ali Abd Samad Bukan Eksekutif Bebas	8/10*
4	Dato' V. Danapalan Bukan Eksekutif Bebas	12/12*
5	Dato' Ng Kam Cheung Bukan Eksekutif Bebas	12/12*
6	Encik Ghazali Awang Bukan Eksekutif Bebas	12/14
7	Encik Alex Foong Soo Hah Bukan Eksekutif Bebas	12/14
8	Encik Md Tajuddin Md Isa Bukan Eksekutif Bebas	14/14

\* merujuk bilangan mesyuarat yang dihadiri sepanjang tempoh Pengarah menjadi ahli Lembaga Pengarah.

#### 1. FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB

Peranan utama Lembaga Pengarah adalah untuk memastikan BSN beroperasi dengan berkesan dan cekap menurut undang-undang dan peraturan yang terpakai dan selaras dengan peranan mandatnya. Tugas dan tanggungjawab Lembaga Pengarah adalah:

- Untuk memilih dan melantik pegawai eksekutif kanan yang berkecualan dan kompeten untuk mentadbir hal ehwal BSN dengan cekap dan baik.**  
 Pasukan pengurusan mestilah sentiasa bersikap profesional semasa menjalankan tugas mereka dan Lembaga Pengarah mestilah pada setiap masa memastikan keberkesanan dan kecekapan kakitangan mereka. Pengarah mestilah juga memastikan kakitangan mereka benar-benar faham tentang misi, strategi, program korporat dan pelbagai skim dan dana yang diperkenalkan oleh Kerajaan dan Bank Negara Malaysia.
- Untuk memastikan tumpuan strategik BSN ditetapkan dengan jelas dan selari dengan peranan mandat BSN.**  
 Ahli-Ahli Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menentukan hala tuju dan mengawasi BSN dalam menyediakan perkhidmatan dan kemudahan kewangan yang dengannya BSN ditubuhkan dan bagi menyediakan khidmat nasihat dan aktiviti sokongan teknikal khusus untuk sektor ekonomi yang disasarkan.
- Untuk menyelia hal ehwal BSN dan dimaklumkan sepenuhnya tentang keadaan dan dasar pengurusan BSN bagi memastikan BSN diuruskan dengan baik.**
  - Ahli-Ahli Lembaga Pengarah hendaklah menyelia dan mengawasi prestasi BSN apabila komitmen penyeliaan dan pengawasan memerlukan tahap kebijaksanaan, kewajaran, pertimbangan dan kecekapan perniagaan yang baik.
  - Ahli-Ahli Lembaga Pengarah hendaklah meluangkan masa secukupnya untuk dimaklumkan sepenuhnya tentang kedudukan perniagaan, hala tuju Lembaga Pengarah yang mengemudi BSN dan untuk mengambil langkah pembedahan segera apabila timbulnya keperluan.

## PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

- Lembaga Pengarah hendaklah bermesyuarat secara tetap, tidak kurang daripada sekali dalam sebulan, untuk membincangkan prestasi BSN dan untuk memberikan hala tuju dasar dan panduan pengurusan.
  - Ahli-Ahli Lembaga Pengarah boleh menurunkan kuasa tertentu kepada pegawai kanan tetapi menjadi tanggungjawab mutlak pengarah untuk menyelia BSN bagi memastikan pengurusan yang baik dan untuk menangani semua masalah yang timbul.
  - Rekod bagi semua tindakan penyeliaan oleh pengarah hendaklah disimpan berasingan daripada rekod minit mesyuarat Lembaga Pengarah.
- Untuk menubuhkan jabatan audit dalaman yang berkesan, dianggotai oleh kakitangan yang mempunyai kelayakan dalam bidang audit dalaman untuk menjalankan fungsi audit dalaman, yang mencakupi fungsi tradisional audit kewangan dan juga fungsi audit pengurusan.**  
Ahli-Ahli Lembaga Pengarah hendaklah memastikan juruaudit dalaman mempunyai akses penuh semua rekod, dan diberi kedudukan sewajarnya dalam hierarki organisasi. Juruaudit dalaman diletakkan di bawah kuasa dan seliaan langsung Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan (AEC). Juruaudit dalaman bertanggungjawab terhadap AEC dan prestasi mereka akan dinilai oleh AEC.
  - Untuk mematuhi undang-undang, perintah dan peraturan yang berkaitan.**  
Ahli-Ahli Lembaga Pengarah mestilah benar-benar tahu tentang undang-undang, peraturan berkaitan, perintah tafsiran dan notis dan mestilah dilaksanakan dengan usaha wajar untuk memastikan kesemuanya tidak dilanggar. Tugas ini mungkin melibatkan tanggungjawab kewangan peribadi bagi kerugian yang timbul daripada tindakan yang menyalahi undang-undang.
  - Ahli-Ahli Lembaga Pengarah hendaklah mengelakkan amalan mementingkan diri sendiri dan percanggahan kepentingan.**
    - Ahli-Ahli Lembaga Pengarah hendaklah memikul tugas fidusiari dan mestilah menunjukkan niat baik terhadap BSN dalam urusan mereka dengannya atau bagi pihaknya. Ahli-Ahli Lembaga Pengarah tertakluk kepada Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (DFIA) dan undang-undang lain yang berkaitan seperti Akta Bank Simpanan Nasional 1974 berkaitan dengan keperluan pendedahan untuk kepentingan perniagaan luar.
    - DFIA melarang BSN memberikan pinjaman kepada Ahli-Ahli Lembaga Pengarahnya atau firma dan syarikat yang pengarahnya mempunyai kepentingan. Pengarah juga tidak boleh membuat apa-apa keuntungan peribadi, memperoleh manfaat peribadi atau mendapatkan apa-apa komisen, bonus atau hadiah kerana melaksanakan fungsi rasmi mereka setelah memberikan kelulusan pembiayaan atau menggunakan perkhidmatan tertentu.

### MAKLUMAT KEPADA LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah (Lembaga) mempunyai akses penuh semua maklumat berkaitan dengan perniagaan, aktiviti dan inisiatif Bank bagi membolehkan Lembaga melaksanakan tugasnya dengan berkesan. Lembaga akan sentiasa dimaklumkan dengan maklumat terkini sepanjang mesyuarat rasmi bulanan Lembaga dan akan dibekalkan dengan Laporan Pengurusan Bulanan apabila maklumat berikut perlu dibincangkan selanjutnya:

- Inisiatif dan aktiviti utama yang dijalankan oleh Bank untuk menyokong peranan mandatnya.
- Prestasi kewangan Bank.
- Prestasi Pinjaman dan juga Pelaburan Perbendaharaan.
- Aktiviti dan inisiatif utama fungsi Sokongan seperti Undang-undang, Pematuhan, Pengurusan Risiko, Audit Dalaman, Sumber Manusia dan Teknologi Maklumat.
- Prestasi dan inisiatif Perbankan Islam.

### B. JAWATANKUASA

Terdapat empat (4) Jawatankuasa Lembaga ditubuhkan bagi membantu Lembaga melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya, iaitu Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan, Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Saraan.

#### JAWATANKUASA AUDIT DAN PEMERIKSAAN (AEC)

- OBJEKTIF**  
Objektif utama AEC adalah untuk sentiasa memeriksa kedudukan kewangan bank, kawalan dalaman Bank, prestasi dan dapatan juruaudit dalaman, dan untuk mencadangkan tindakan pembetulan yang sesuai.
- FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB**  
Fungsi dan tanggungjawab AEC adalah seperti yang berikut:
  - memastikan akaun disediakan tepat pada waktunya dan dalam cara yang betul serta kerap memeriksa kecukupan peruntukan terhadap keadaan luar jangka, serta hutang lapuk dan hutang ragu. Menyemak semula kunci kira-kira dan akaun untung rugi untuk diserahkan kepada semua lembaga pengarah dan memastikan akaun tahunan diterbitkan dengan segera;
  - menjalankan semakan terperinci untuk memastikan semua keperluan undang-undang termasuklah statut, garis panduan, peraturan dan sebagainya dipatuhi;
  - menyemak semula kawalan dalaman termasuklah skop program audit dalaman, dapatan audit dalaman dan mencadangkan tindakan yang perlu diambil oleh pihak pengurusan. Laporan daripada juruaudit dalaman dan AEC tidak tertakluk kepada kelulusan ketua pegawai eksekutif atau pengarah eksekutif. AEC juga hendaklah menilai prestasi dan memutuskan pakej saraan untuk juruaudit dalaman;

- menyemak semula dan menilai kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman berkaitan dengan aktiviti antara bank dan pengurusan keseluruhan kecairan Bank;
- AEC hendaklah menilai prestasi Ketua Juruaudit Dalaman (CIA) dan memberikan maklum balas tentang pakej saraan CIA;
- menyemak semula dengan juruaudit luar, skop pelan audit mereka, sistem kawalan perakaunan dalaman, laporan audit, bantuan yang diberikan oleh pihak pengurusan dan kakitangannya kepada juruaudit dan apa-apa dapatan dan tindakan yang akan diambil;
- menyemak semula penyata kewangan akhir tahun sebelum dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk mendapatkan kelulusan, dengan memberikan tumpuan kepada yang berikut:
  - andaian perniagaan berterusan;
  - pematuhan piawai perakaunan dan keperluan undang-undang;
  - perubahan dasar dan amalan perakaunan;
  - isu penting dan perkara luar biasa yang timbul daripada proses audit;
- membincangkan apa-apa isu dan keraguan yang ditimbulkan oleh juruaudit luar daripada audit interim dan akhir, serta apa-apa perkara yang ingin dibincangkan oleh juruaudit luar (tanpa kehadiran pihak pengurusan atau apabila perlu);
- menyemak semula kandungan surat pengurusan yang dikeluarkan oleh juruaudit luar serta maklum balas pihak pengurusan berkenaan dengannya;
- menyemak semula apa-apa urusan niaga pihak yang berkaitan dan keadaan percanggahan kepentingan yang mungkin timbul di dalam Bank atau dalam kumpulan termasuk apa-apa urusan niaga, prosedur atau kelakuan yang menimbulkan persoalan terhadap integriti pihak pengurusan.

### 3. KEKERAPAN MESYUARAT

AEC bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setiap tiga bulan. Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011, AEC telah bermesyuarat sebanyak 9 kali. Kehadiran ahli AEC yang direkodkan adalah seperti yang berikut:

Bil.	Pengarah	Kehadiran Mesyuarat
1	Encik Ghazali Awang (Pengerusi)	9/9
2	Datuk Nozirah Bahari	4/9
3	Dato' Ng Kam Cheung	7/7*
4	Encik Alex Foong Soo Hah	7/9
5	Encik Md Tajuddin Md Isa	8/9

\* merujuk bilangan mesyuarat yang dihadiri sepanjang tempoh Pengarah menjadi ahli Lembaga Pengarah

### JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO (RMC)

#### 1. OBJEKTIF

Objektif utama RMC adalah untuk mengawasi aktiviti pengurusan kanan dalam menguruskan bidang risiko utama Bank dan untuk memastikan proses pengurusan risiko dijalankan dengan baik dan berfungsi dengan berkesan.

#### 2. FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB

Fungsi dan tanggungjawab RMC adalah seperti yang berikut:

- merumuskan strategi untuk menguruskan keseluruhan risiko yang dikaitkan dengan aktiviti BSN;
- mencadangkan dasar, prosedur dan proses pengurusan risiko yang sesuai dalam bidang risiko utama seperti risiko pasaran, risiko kredit, risiko tanggung jamin, risiko pelaburan dan risiko operasi;
- menyemak semula kecukupan dasar dan sistem pengurusan risiko dan setakat mana dasar dan sistem ini beroperasi dengan berkesan;
- memperkenalkan pendekatan bersepadu untuk menilai dan memantau risiko yang saling berkaitan;
- memastikan infrastruktur, sumber dan sistem telah tersedia untuk mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko;
- menyemak semula maklumat berkala pengurusan tentang pendedahan risiko dan aktiviti pengurusan risiko; dan
- membentuk pelan kesinambungan perniagaan.

#### 3. KEKERAPAN MESYUARAT

RMC bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setiap tiga bulan. Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011, RMC telah bermesyuarat sebanyak 7 kali. Kehadiran ahli RMC yang direkodkan adalah seperti yang berikut:

Bil.	Pengarah	Kehadiran Mesyuarat
1	Dato' V. Danapalan (Pengerusi)	7/7
2	Dato' Ng Kam Cheung	6/7
3	Encik Ghazali Awang	5/7
4	Encik Alex Foong Soo Hah	7/7

### JAWATANKUASA PENCALONAN (NC)

#### 1. OBJEKTIF

Objektif utama NC adalah untuk mewujudkan prosedur yang berdokumen, rasmi dan telus untuk melantik Ahli-Ahli Lembaga Pengarah, Ketua Eksekutif dan pegawai kanan utama, dan untuk menilai keberkesanan setiap Ahli Lembaga Pengarah, Lembaga Pengarah secara keseluruhannya dan pelbagai jawatankuasa Lembaga Pengarah, Ketua Eksekutif dan pegawai kanan utama.



## PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

### 2. FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB

Fungsi dan tanggungjawab NC adalah seperti yang berikut:

- Mewujudkan keperluan minimum bagi Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif untuk melaksanakan tanggungjawab mereka dengan berkesan. Ia juga bertanggungjawab untuk mengawasi keseluruhan komposisi Lembaga Pengarah dari segi bilangan dan kemahiran yang sesuai, keseimbangan antara Pengarah eksekutif, bukan eksekutif dan Pengarah bebas, dan gabungan kemahiran dan kecekapan teras lain yang diperlukan, melalui tinjauan tahunan;
- Mencadangkan dan menilai calon untuk jawatan Ahli Lembaga Pengarah, Ahli Lembaga yang akan mengisi Jawatankuasa Lembaga Pengarah, dan juga calon untuk jawatan Ketua Eksekutif. Ini termasuklah menilai pengarah dan Ketua Eksekutif yang dicadangkan untuk pelantikan semula, sebelum permohonan untuk pengesahan diserahkan kepada Bank Negara Malaysia;
- Mewujudkan mekanisme untuk penilaian rasmi dan menilai keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, sumbangan setiap pengarah terhadap keberkesanan Lembaga Pengarah, sumbangan pelbagai Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan prestasi Ketua Eksekutif;
- Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah tentang penyingkiran Pengarah/Ketua Eksekutif jika beliau tidak cekap, menyeleweng atau cuai semasa melaksanakan tanggungjawabnya;
- Memastikan semua Ahli Lembaga mengikuti program induksi yang sesuai dan menjalani latihan secara berterusan; dan
- Mengawasi pelantikan, perancangan penggantian pengurusan dan penilaian prestasi pegawai kanan utama, dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah tentang penyingkiran pegawai kanan utama jika mereka tidak cekap, menyeleweng dan cuai semasa melaksanakan tanggungjawab mereka.

### 3. KEKERAPAN MESYUARAT

NC bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam setahun. Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011, NC telah bermesyuarat sebanyak 7 kali. Kehadiran ahli NC yang direkodkan adalah seperti yang berikut:

Bil.	Pengarah	Kehadiran Mesyuarat
1	Dato' Mohd Ali Abd Samad (Pengerusi)	6/6*
2	Dato' V. Danapalan	7/7
3	Datuk Nozirah Bahari	6/7
4	Datuk Adinan Maning	7/7
5	Encik Md Tajuddin Md Isa	1/1*

\* merujuk bilangan mesyuarat yang dihadiri sepanjang tempoh pelantikan semasa sebagai Ahli Lembaga Pengarah

### JAWATANKUASA SARAAN (RC)

#### 1. OBJEKTIF

Objektif utama RC adalah untuk mewujudkan prosedur rasmi dan telus bagi membentuk dasar saraan untuk Ahli-Ahli Lembaga Pengarah, Ketua Eksekutif dan pegawai kanan utama dan memastikan pampasan adalah kompetitif dan selaras dengan budaya, objektif dan strategi DFI.

#### 2. FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB

Fungsi dan tanggungjawab RC adalah seperti yang berikut:

- mencadangkan rangka kerja saraan untuk pengarah, Ketua Eksekutif dan pegawai kanan utama. Dasar saraan hendaklah:
  - didokumenkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan apa-apa perubahan padanya hendaklah tertakluk kepada pengendørsan Lembaga Pengarah;
  - mencerminkan pengalaman dan tahap tanggungjawab yang dipikul oleh setiap Ahli Lembaga Pengarah, Ketua Eksekutif dan pegawai kanan utama;
  - dapat menarik dan mengekalkan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah, Ketua Eksekutif dan pegawai kanan utama yang berkaliber yang diperlukan untuk menguruskan BSN dengan jayanya; dan
  - seimbang dengan keperluan untuk memastikan dana BSN tidak digunakan untuk memberikan subsidi kepada pakej saraan yang berlebihan.
- mencadangkan pakej saraan khusus untuk Ahli-Ahli Lembaga Pengarah, Ketua Eksekutif dan pegawai kanan utama. Pakej saraan hendaklah:
  - berdasarkan pertimbangan objektif dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah;
  - mempertimbangkan dengan sewajarnya penilaian jawatankuasa pencalonan berhubung dengan keberkesanan dan sumbangan pengarah, Ketua Eksekutif dan pegawai kanan utama berkenaan;
  - tidak diputuskan mengikut budi bicara mutlak mana-mana satu individu atau kumpulan individu yang tertentu; dan
  - kompetitif dan selaras dengan budaya, objektif dan strategi BSN.

### 3. KEKERAPAN MESYUARAT

RC bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam setahun. Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011, RC telah bermesyuarat sebanyak 6 kali. Kehadiran ahli NC direkodkan seperti yang berikut:

Bil.	Pengarah	Kehadiran Mesyuarat
1	Dato' Ng Kam Cheung (Pengerusi)	6/6
2	Dato' Mohd Ali Abd Samad	4/5*
3	Dato' V. Danapalan	6/6
4	Encik Md Tajuddin Md Isa	5/6

\* merujuk bilangan mesyuarat yang dihadiri sepanjang tempoh pelantikan semasa sebagai Ahli Lembaga Pengarah

## KENYATAAN AUDIT DALAMAN

Jabatan Audit Dalaman (JAD) bertanggungjawab menjalankan fungsi audit dalaman di BSN. Sebagai sebuah jabatan bebas, JAD melaporkan terus kepada Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan (JAP) dan dari segi pentadbiran, terus kepada Ketua Eksekutif (KE). Selaras dengan tanggungjawabnya untuk melindungi aset dan kepentingan Bank, JAD ditubuhkan untuk membantu Lembaga Pengarah melalui JAP dan melaksanakan tanggungjawabnya untuk mengekalkan satu sistem kawalan dalaman yang baik. Kuasa, skop dan tanggungjawab JAD dikawal oleh Piagam Audit yang disemak dan diluluskan oleh JAP.

Misi JAD adalah untuk memberikan sekatan dan imbalan (*checks and balances*), untuk menjalankan penaksiran bebas dan perundingan bagi memastikan kejayaan Bank, melalui yang berikut:

- Untuk menyediakan penilaian bebas, fungsi yang memberikan kepastian secara objektif dan berperanan untuk memberikan khidmat nasihat tentang amalan terbaik bagi menambah nilai dan menambah baik operasi Bank ke tahap yang lebih tinggi;
- Untuk membantu Bank mencapai objektifnya dengan menilai dan meningkatkan keberkesanan sistem pengurusan risiko, kawalan dalaman dan proses tadbirurusnya;
- Untuk membentuk pasukan Audit yang profesional dan cekap dengan melaksanakan pendekatan dan teknologi audit terbaik.

Peranan dan tanggungjawab JAD:

- Menjalankan semakan berkala ke atas semua jabatan, bahagian dan cawangan termasuk bidang, sistem dan Khidmat luaran yang berisiko tinggi;
- Menyemak dasar, garis panduan dan manual prosedur;
- Menyemak dan menilai produk baharu/perkhidmatan/pelaksanaan automasi;
- Mengesahkan pelan ujian sistem, keputusan ujian, sebelum pelaksanaan "sebenar";
- Menyediakan proses peningkatan dan cadangan;
- Menyelaraskan semakan dan pengesanan ke atas tindakan pembetulan – Dalaman dan Luaran (BNM, Juruaudit Negara, Juruaudit Luar);
- Menjalankan siasatan;
- Menyediakan latihan untuk unit audit dan perniagaan tentang kesedaran kawalan & penipuan;
- Menjalankan pengauditan yang berterusan;
- Memberikan Khidmat Perundingan.

JAD memberikan kepastian dan nasihat bebas dan secara objektif tentang amalan terbaik yang akan meningkatkan dan menambahkan nilai kepada Bank. IAD menggunakan pendekatan sistematik dan berdisiplin untuk menilai kecukupan dan keberkesanan proses tadbir urus, pengurusan risiko, kewangan, operasi dan pematuhan. IAD menyelaraskan aktiviti dengan strategi/pelan perniagaan/objektif Bank dan kaedah berdasarkan risiko untuk memastikan kawalan berkaitan yang menangani risiko sentiasa dikenalpasti dan disemak semula.

Pada 2011, JAD telah membuat sebanyak 263 lawatan yang terdiri daripada 231 lawatan tentang Audit Operasi dan Pengurusan, iaitu Ibu Pejabat (11), Cawangan Utama (13), Khidmat Luaran (3), Anak Syarikat (1), Cawangan Peringkat Zon (95), Cawangan Mini (105) dan Proses Adhoc/Berisiko Tinggi (3); dan 32 lawatan tentang Audit Teknologi Maklumat, iaitu Ibu Pejabat (6), Proses Berisiko Tinggi (8), Audit Aplikasi (7), Cawangan Utama (7) dan Audit Khas (4).

Laporan audit dalaman yang dikeluarkan memberikan penilaian bebas dan secara objektif tentang perkara berikut:

- Kewujudan, keberkesanan dan kecukupan sistem kawalan dalaman untuk menguruskan operasi dan melindungi aset dan kepentingan Bank;
- Kecukupan dan keberkesanan operasi pengurusan risiko, fungsi tadbir urus dan pematuhan untuk menguruskan dan menjangkakan risiko yang berpotensi terhadap proses perniagaan utama.

Laporan audit dalaman yang dihasilkan daripada tugas itu diserahkan kepada pihak pengurusan untuk mendapatkan maklumbalas mereka, tindakan pembetulan dan peruntukan tarikh akhir bagi melengkapkan tindakan pencegahan dan pembetulan yang berkaitan. Ini adalah untuk memastikan pihak pengurusan akan bertanggungjawab melaksanakan tindakan pencegahan dan pembetulan tentang isu/kelemahan yang dilaporkan. Seterusnya, laporan itu dibentangkan kepada JAP untuk perbincangan pada setiap suku tahun (sekurang-kurangnya).

# LAPORAN AKTIVITI

BSN SENTIASA PROGRESIF UNTUK MENJADI SALAH SATU INSTITUSI PERBANKAN YANG DINAMIK DAN BERKEMAMPUAN UNTUK MEMAINKAN PERANANNYA DI DALAM MENGIMBANGI MATLAMAT KOMERSIL SERTA OBLIGASI SOSIALNYA. SEPANJANG TAHUN 2011, BSN TELAH MELAKSANAKAN BEBERAPA INISIATIF DAN PROGRAM BAGI MENGUKUH DAN MENGEKALKAN KEDUDUKAN BSN DARI SEGI PENJANAAN PENDAPATAN YANG BERTERUSAN DAN PERTUMBUHAN YANG MAMPAN. USAHA GIGIH PIHAK BSN TELAH MEMBOLEHKANNYA MELAKSANAKAN BEBERAPA PROGRAM SEPERTI BERIKUT:

## PRODUK DAN PERKHIDMATAN

Dalam usaha untuk terus menawarkan penyampaian perkhidmatan yang lebih efisien dan lebih berkualiti, BSN sentiasa memastikan produk dan perkhidmatannya memberi kemudahan dan fleksibiliti kepada pelanggan-pelanggannya dan orang ramai. Pada tahun 2011, BSN telah menjalankan pelbagai aktiviti dan melaksanakan inisiatif-inisiatif baru untuk menyokong usaha ini.

### PERKHIDMATAN PERANCANGAN KEWANGAN

Sebagai salah satu inisiatif untuk menggalakkan masyarakat menyimpan dan melabur untuk masa depan yang lebih terjamin, BSN telah melancarkan perkhidmatan Perancang Kewangan di Putrajaya pada 28 Jun 2011. Majlis telah disempurnakan oleh Y.B. Dato' Dr. Awang Adek Hussin, Timbalan Menteri Kewangan. Perkhidmatan perancangan kewangan ini menawarkan produk meliputi perlindungan seperti Takaful dan Insuran, pelaburan seperti Dana AI Jadid dan pengagihan seperti Wasiat/Will.

### PROGRAM DANA PINJAMAN


Majlis pelancaran Program Dana Pinjaman bagi Penduduk Kampung Baru di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 telah diadakan pada 21 Julai 2011 bertempat di Dewan SJK (C) Mentakab 1, Mentakab, Temerloh, Pahang. Majlis ini telah disempurnakan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Mohd Yassin. BSN telah dilantik sebagai agensi pelaksana program ini oleh pihak Kerajaan untuk menyalurkan dana pinjaman kepada para penduduk Kampung Baru di seluruh negara. Dua jenis produk yang ditawarkan khas kepada mereka ialah pinjaman peribadi dan pinjaman Mikro Kewangan.

### BSN LANCAR KAD KREDIT PLATINUM MASTERCARD

Bank Simpanan Nasional (BSN) telah memperkenalkan Kad Kredit Platinum MasterCard bagi memenuhi keperluan khusus segmen pelanggannya yang luas. Ini adalah sejajar dengan peranan BSN yang komited untuk memberi perkhidmatan dan menyediakan produk-produk yang inovatif dan dinamik. Kad Kredit BSN Platinum MasterCard ditawarkan dalam 2 pilihan iaitu kad islamik yang berlandaskan syariah atau kad konvensional. Kad Kredit BSN Platinum MasterCard menawarkan pelbagai ciri dan faedah untuk membolehkan pemegang kad berasa amat istimewa dan disasarkan kepada pelanggan yang mementingkan ganjaran, penjimatan, perlindungan, gaya hidup dan saluran pembayaran yang mudah.



Produk perancangan kewangan BSN menawarkan produk meliputi perlindungan seperti Takaful dan Insurans, pelaburan seperti Dana AI Jadid dan pengagihan seperti Wasiat/Will.



Pelancaran Platinum MasterCard BSN pada 15 Oktober 2011 adalah sejajar dengan tujuan untuk menyediakan keperluan pelbagai segmen pelanggan Bank.



**PEMBIAYAAN PROGRAM RUMAH MESRA RAKYAT**

Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Bank Simpanan Nasional (BSN) telah menandatangani perjanjian persefahaman bagi pembiayaan Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) yang turut disaksikan oleh Y.B. Dato' Seri Husni Mohamad Hanadzlah, Menteri Kewangan II. Majlis yang diadakan pada 23 Disember 2011 ini merupakan hasil dari pembentangan bajet 2012, di mana SPNB telah diamanahkan oleh Kerajaan untuk membina 10,000 unit rumah Program RMR di seluruh negara pada tahun 2012 dengan peruntukan sebanyak RM200 juta sebagai tanggungan subsidi diberi oleh Kerajaan. Sejumlah RM650 juta peruntukan kewangan diperlukan bagi membina dan membiayai 10,000 unit tersebut. Sebagai langkah permulaan, BSN merupakan institusi perbankan pertama yang akan bekerjasama dengan SPNB bagi membiayai program tersebut. Hampir 50,000 isi rumah dijangka mendapat manfaat memperolehi perumahan yang lebih selesa ini.

**KAD KREDIT-i UUM PLATINUM DAN EMAS MASTERCARD**

Bank Simpanan Nasional (BSN) telah melancarkan Kad Kredit-i UUM-BSN Platinum dan Emas MasterCard khusus untuk warga Universiti Utara Malaysia (UUM) pada 10 Disember 2011. Kad Kredit-i UUM-BSN Platinum dan Emas MasterCard ini merupakan hasil dari kolaborasi strategik di antara BSN dan UUM. Ianya menawarkan kemudahan eksklusif untuk mendapatkan kad kredit UUM kepada semua alumni, kakitangan dan lepasan graduan UUM yang berkelayakan. Ini adalah sejajar dengan peranan BSN yang komited untuk memberikan perkhidmatan serta menyediakan produk-produk yang inovatif dan dinamik. Kad ini berteraskan konsep 'kesetiaan' di mana pemegang kad secara tidak langsung akan menyumbang sebahagian daripada nilai setiap perbelanjaan runcit kepada pihak universiti.



*Kad BSN Zing PLUSMiles merupakan satu inisiatif untuk memberi keselesaan, keistimewaan eksklusif dan penjimatan dalam memenuhi keperluan para pemandu.*

**BSN LANCAR KAD BSN ZING PLUSMiles**

Bersama Touch 'n Go Sdn Bhd dan PLUS Expressways Berhad, Bank Simpanan Nasional (BSN) telah melancarkan Kad BSN Zing PLUSMiles pada 11 Mei 2011; satu inisiatif untuk memberi keselesaan, keistimewaan eksklusif dan penjimatan dalam memenuhi keperluan para pemandu. Kad BSN Zing PLUSMiles, dengan kombinasi ciri tambah nilai automatik Touch 'n Go dan Program PLUSMiles dalam satu (1) kad, mencerminkan komitmen BSN dalam menawarkan produk inovatif untuk pemegang kad kredit BSN yang baru dan sedia ada. BSN merupakan Bank yang pertama menawarkan 5 Kad Zing dihubungkan kepada satu Kad Kredit.



*Cabutan Sijil Simpanan Premium diadakan di pusat-pusat membeli-belah untuk memberi peluang kepada orang ramai menyaksikan proses cabutan dan menyimpan dalam skim tersebut. Bagi cabutan SSP bulan Disember 2011 BSN dalam usahanya untuk menarik lebih ramai kaum Cina menyertai skim ini, BSN telah menjemput DJ Radio dan pelakon terkenal, Jack Lim yang juga membintangi filem "Ah Beng Three Wishes".*

**PROGRAM RASIONALISASI BANK**

Di bawah Program Rasionalisasi Bank, BSN terus dengan inisiatif dan iltizamnya untuk menawarkan dan memperluaskan akses kewangan serta perbankannya kepada segenap lapisan komuniti di seluruh Malaysia. Program ini merangkumi pembukaan cawangan baru, penggabungan cawangan dan penempatan baru cawangan serta kerja-kerja menaik taraf dan penambahbaikan untuk keselesaan pelanggan dan orang ramai.

**BSN DAERAH BELAGA**

BSN terus memperluaskan akses perbankannya dengan pembukaan cawangan di Daerah Belaga, Sarawak. Majlis perasmian operasi cawangan tersebut pada 14 April 2011 disempurnakan oleh En. Abang Zainudin Abang Turkey, Timbalan Pegawai Daerah Belaga dan En. Winston Emmanuel Jeyaprakash, Timbalan Ketua Eksekutif (Pengurusan Kredit & Sokongan Perniagaan). Turut hadir ialah En. Rosman Ramlan, Naib Presiden/Ketua Pentadbiran Am BSN dan Tn. Haji Zawawi Nor, Pengarah Negeri BSN Sarawak.

Pembukaan Cawangan di Daerah Belaga merupakan usaha berterusan BSN untuk menyampaikan perkhidmatan yang lebih baik dan menyeluruh kepada pelanggan dan orang ramai.

## LAPORAN AKTIVITI

### PEMBUKAAN KIOSK CAWANGAN T.E.M.A.N, GOPENG, PERAK

Kiosk Cawangan T.E.M.A.N atau lebih dikenali sebagai Terminal Agribisnes Negara, Gopeng telah dirasmikan pada 1 Ogos 2011. Ianya merupakan Cawangan yang ke-47 bagi Negeri Perak. Cawangan ini telah menempatkan Bahagian Mikro Kewangan dan juga Cawangan Mini di mana pengoperasiannya adalah 7 hari seminggu. Ini merupakan salah satu inisiatif BSN untuk menyediakan akses kepada perkhidmatan yang lebih mudah.

### PEMBUKAAN CAWANGAN SOSIAL DI BELURAN, SABAH

Bank Simpanan Nasional (BSN) telah menambah lagi rangkaian cawangannya dengan pembukaan cawangan di Beluran, Sabah pada 15 Ogos 2011. Dikategorikan sebagai cawangan sosial, cawangan ini telah dirasmikan oleh Y.B. Datuk Ronald Kiandee, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat merangkap Ahli Parlimen Beluran. Pembukaan cawangan ini membuktikan usaha BSN untuk terus memperluaskan akses kepada kemudahan perbankan kepada masyarakat setempat di samping terus memperkukuhkan peranannya sebagai sebuah bank yang menggalakkan tabungan dan simpanan dalam kalangan masyarakat.

## TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT ADALAH SATU WADAH BSN DALAM MEMBANTU GOLONGAN YANG KURANG BERNASIB BAIK SELARAS DENGAN PERANAN DAN TANGGUNGJAWABNYA SEBAGAI SEBUAH BANK KOMUNITI YANG TELAH DIBERIKAN MANDAT OLEH PIHAK KERAJAAN. SEPANJANG TAHUN 2011, BEBERAPA AKTIVITI TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT TELAH DILAKSANAKAN DI SELURUH MALAYSIA.



Encik Md. Tajuddin Md. Isa Ahli Lembaga BSN bersama pemenang.



BSN sebagai penaja utama Putrajaya Night Marathon yang berlangsung pada 15 Oktober 2011, BSN berjaya mengumpul RM100,000 untuk mengisi tabung Majlis Kanser Nasional (MAKNA) sebagai tanggungjawab sosialnya untuk membantu masyarakat yang memerlukan.



*"BSN Inter Varsity Social Venture Challenge" memupuk nilai-nilai keusahawanan sosial di kalangan para pelajar dapat disemai dan kreativiti minda mereka dapat diasah dan dibentuk bagi menghasilkan ide bernas yang mempunyai nilai-nilai komersil untuk pembangunan komuniti di Malaysia.*

#### **BSN INTER VARSITY SOCIAL VENTURE CHALLENGE**

Program *BSN Social Venture Challenge (SVC)* bagi tahun kedua telah diadakan pada 5 Disember 2011. Program yang berupa pertandingan ini menggalakkan penyertaan dari pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta untuk fokus kepada pembangunan sosial dan dalam pada masa yang sama menggalakkan pelajar-pelajar mengasah minda dengan memberi ide berhubung projek yang dapat memberi manfaat kepada pembangunan sesebuah komuniti. Projek yang dicadangkan mestilah bernas, dan mempunyai nilai komersial serta berdaya saing untuk dikembangkan ke peringkat yang lebih tinggi. Juara SVC 2011 adalah Universiti Malaysia Terengganu diikuti dengan Universiti Tunku Abdul Rahman dan Universiti Utara Malaysia.

#### **SEKOLAH DALAM HOSPITAL**

BSN telah menyumbang RM30,000 kepada Yayasan Nurul Yaqeen sempena pelancaran program perintis Sekolah Dalam Hospital (SDH) yang melibatkan tiga buah hospital di Lembah Klang. Objektif utama SDH adalah untuk memastikan semua kanak-kanak serta remaja termasuk mereka yang mendapat rawatan di hospital berpeluang mendapat akses kepada pendidikan berkualiti.

Tiga hospital terbabit ialah Hospital Kuala Lumpur, Hospital Ampang dan Hospital Serdang. Penubuhan SDH di tiga sekolah berkenaan yang juga dikenali dengan Projek Hati Nurani adalah hasil kerjasama Yayasan Nurul Yaqeen, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kesihatan.

#### **SUMBANGAN ZAKAT**

BSN juga turut menyumbangkan zakat dan menyerahkan beberapa buah van jenazah kepada masjid-masjid yang terpilih melalui Jabatan Perbankan Islamnya. Di antara yang terpilih termasuk Surau Jannatul Firdaus, Taman Molek (Johor), Masjid Al Khairiyah, Taman Sri Gombak (Kuala Lumpur), Masjid Dato' Dagang, Kampung Jawa, Klang (Selangor), Masjid Nur Al-Jannah Kampung Petagas, Putatan Sabah dan Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak.

Dalam memastikan pelanggan-pelanggan kami mendapat akses perbankan dan kewangan, BSN menyediakan pelbagai kemudahan dan keselesaan untuk para pelanggan. Selaras dengan matlamat ini, pelbagai produk dan perkhidmatan Perbankan Islam BSN yang berlandaskan Syariah telah ditawarkan. Bagi memenuhi tuntutan syarak, BSN juga telah mengeluarkan wang zakat ke atas perniagaan SPI. Wang zakat ini akan dikeluarkan setiap tahun dan diagihkan kepada mereka yang layak.

Selain dari pemberian van jenazah kepada masjid-masjid terpilih, BSN telah mengagihkan sebahagian wang zakatnya kepada Pusat Pungutan Zakat setiap negeri di Malaysia dan penerima-penerima zakat yang dikenalpasti di seluruh negara. Agihan wang zakat ini diberikan bersesuaian dengan keperluan semasa penerima zakat seperti yuran sekolah dan keperluan asas rumah-rumah anak yatim, sekolah-sekolah agama dan Tahfiz, rumah penjagaan orang kurang upaya, serta warga emas dan lain-lain.



# SOROTAN MEDIA

## BSN sasar salur pinjaman RM150 juta bantu peniaga

### Skim mikro kredit memanfaatkan 7,000 peminjam tahun lalu

Diah Zulaifah Mohamed

**B**ANK SIMPANAN Nasional (BSN) menyasar mengeluarkan pinjaman mikro bernilai hingga RM150 juta bagi membantu lebih 10,000 peniaga kecil hingga ini memula perolehan sektor perniagaan kecil yang semakin rancok.

Tahun lalu saja, bank memiliki itu sudah mengeluarkan lebih RM100 juta pinjaman mikro yang membolehkan lebih 7,000 peniaga, dengan purata pembiayaan antara RM3,000 hingga RM20,000 setiap sara. Naib Presiden Kanan Jabatan Mikro Kewangan, Nizamari Ja'afar, berkata daripada jumlah itu, 70 peratus adalah membekalkan sektor peruncitan, diikuti perkhidmatan dengan 25 peratus serta pengilangan sebanyak lima peratus.

150 Rabu, 12 Oktober 2011 Bisnes

## Pulangan 2.3%

### BSN yakin SSP Edisi Khas mampu capai simpanan hingga RM400J

Diab Sri Jaya Karthikeyan

**B**ANK Simpanan Nasional (BSN) kemudiannya mengumumkan pulangan 2.30% kepada pemegang SSP Edisi Khas. Naib Presiden Kanan Jabatan Mikro Kewangan, Nizamari Ja'afar, berkata pulangan ini akan memberi manfaat kepada pemegang SSP Edisi Khas yang berjumlah lebih 100,000 orang.



LEBIH BERHAJI... Naib Presiden Kanan Jabatan Mikro Kewangan, Nizamari Ja'afar, bersama pegawai BSN menerima SSP Edisi Khas...

...pembayaran SSP Edisi Khas ini akan dilaksanakan pada 15 Oktober 2011. Naib Presiden Kanan Jabatan Mikro Kewangan, Nizamari Ja'afar, berkata pulangan ini akan memberi manfaat kepada pemegang SSP Edisi Khas yang berjumlah lebih 100,000 orang.

## BSN bawa dua pemenang SVC ke Hong Kong, China



...dua pemenang SVC ke Hong Kong, China...

...dua pemenang SVC ke Hong Kong, China...

## Kempen Siji Simpanan Premium

### BSN peruntuk 30,168 hadiah

...Kempen Siji Simpanan Premium... BSN peruntuk 30,168 hadiah... Naib Presiden Kanan Jabatan Mikro Kewangan, Nizamari Ja'afar, berkata...

...Kempen Siji Simpanan Premium... BSN peruntuk 30,168 hadiah...

## BSN tekan konsep komuniti

### Utuh usaha membantu golongan PAM Sabah dan Sarawak



...Utuh usaha membantu golongan PAM Sabah dan Sarawak...

...Utuh usaha membantu golongan PAM Sabah dan Sarawak...

34 EKONOMI 12 Oktober 2011

## Pekedai runcit dilantik ejen BSN

### Bank permudahkan transaksi untuk pengguna di kawasan luar bandar

...Pekedai runcit dilantik ejen BSN... Bank permudahkan transaksi untuk pengguna di kawasan luar bandar... Naib Presiden Kanan Jabatan Mikro Kewangan, Nizamari Ja'afar, berkata...

## Niaga

### Bank mini mula Januari 2012

...Bank mini mula Januari 2012... Naib Presiden Kanan Jabatan Mikro Kewangan, Nizamari Ja'afar, berkata...

## Niaga

### Agihan pinjaman peribadi RM5b

...Agihan pinjaman peribadi RM5b... Naib Presiden Kanan Jabatan Mikro Kewangan, Nizamari Ja'afar, berkata...

33 EKONOMI

## BSN bakal latih 5,000 ejen luar bandar

### BANK Simpanan Nasional akan melatih 5,000 ejen di kawasan luar bandar

...BANK Simpanan Nasional akan melatih 5,000 ejen di kawasan luar bandar... Naib Presiden Kanan Jabatan Mikro Kewangan, Nizamari Ja'afar, berkata...

## Dana Industri Kreatif RM200 juta

### BSN mula agih pinjaman

...Dana Industri Kreatif RM200 juta... BSN mula agih pinjaman... Naib Presiden Kanan Jabatan Mikro Kewangan, Nizamari Ja'afar, berkata...

## Niaga

### Agihan pinjaman peribadi RM5b

...Agihan pinjaman peribadi RM5b... Naib Presiden Kanan Jabatan Mikro Kewangan, Nizamari Ja'afar, berkata...



...Agihan pinjaman peribadi RM5b... Naib Presiden Kanan Jabatan Mikro Kewangan, Nizamari Ja'afar, berkata...



# Penyata Kewangan

- 026 Sijil Ketua Audit Negara
- 027 Penyata Pengerusi Dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah
- 027 Pengakuan Oleh Pegawai Utama Yang Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Kewangan Bank Simpanan Nasional
- 028 Laporan Para Pengarah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011
- 030 Laporan Jawatankuasa Syariah
- 031 Penyata Kedudukan Kewangan
- 032 Penyata Pendapatan Komprehensif
- 034 Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Disatukan
- 035 Penyata Perubahan Dalam Ekuiti
- 036 Penyata Aliran Tunai
- 038 Nota Kepada Penyata Kewangan







**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
BANK SIMPANAN NASIONAL  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**

Penyata kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan penyata kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan pada 31 Disember 2011, hasil operasi dan aliran tunai untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan disatukan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan penyata kewangan Bank Simpanan Nasional adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan disatukan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan yang disatukan.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)  
KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA



PUTRAJAYA  
26 MAC 2012





**LAPORAN PARA PENGARAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011.

**AKTIVITI UTAMA**

Aktiviti utama Bank adalah menjalankan fungsi-fungsi sebagai sebuah bank simpanan iaitu menerima deposit dan memberi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kepada pelanggan-pelanggan termasuk operasi perbankan Islam.

Aktiviti utama bagi anak-anak syarikat adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 8.

Tiada perubahan penting dalam aktiviti utama sepanjang tahun kewangan.

**KEPUTUSAN KEWANGAN**

	<b>KUMPULAN</b>	<b>BANK</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
Keuntungan sebelum belanja cukai dan zakat	525,704	473,866
Belanja cukai dan zakat	(120,732)	(112,709)
Keuntungan bersih tahun semasa	<u>404,972</u>	<u>361,157</u>

**RIZAB, PERUNTUKAN DAN ELAUN**

Tiada pindahan penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan atau elaun sepanjang tahun kewangan ini selain daripada yang dinyatakan dalam penyata kewangan.

**PARA PENGARAH BANK**

Para Pengarah yang telah berkhidmat sejak tarikh terakhir laporan adalah:

Datuk Nozirah Binti Bahari  
 Dato' Mohd Ali Bin Abd Samad (berhenti pada 25 September 2011)  
 Dato' Ng Kam Cheung  
 Dato' V. Danapalan  
 Tuan Hj. Ghazali Bin Awang  
 Datuk Adinan Bin Maning  
 Alex Foong Soo Hah  
 Md. Tajuddin Bin Md. Isa  
 Datuk Azizan Bin Abdul Rahman (dilantik pada 2 Mac 2012)

Kesemua ahli Lembaga ialah Pengarah Bukan-Eksekutif kecuali Datuk Adinan Bin Maning. Kesemua ahli Lembaga ialah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

**FAEDAH PENGARAH**

Sejak akhir tahun kewangan yang lalu, tiada Pengarah Bank telah menerima atau layak menerima sebarang manfaat (selain dari manfaat yang termasuk dalam jumlah ganjaran diterima atau terkumpul seperti yang ditunjukkan dalam penyata kewangan atau pendapatan tetap sebagai pekerja sepenuh masa perbadanan induk) di bawah perjanjian yang dibuat oleh Bank atau perbadanan berkait dengan sebarang Pengarah atau dengan sebuah firma di mana Pengarah tersebut adalah seorang ahli atau dengan sebuah syarikat di mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang nyata.

Tiada sebarang persetujuan yang telah dibuat di sepanjang atau pada tahun kewangan yang mempunyai matlamat membolehkan Para Pengarah Bank mendapat manfaat daripada pembelian saham dalam Bank atau sebarang perbadanan-perbadanan yang lain.

#### MAKLUMAT BERKANUN YANG LAIN

Sebelum penyata kedudukan kewangan dan penyata pendapatan komprehensif Kumpulan dan Bank disediakan, Para Pengarah telah mengambil langkah-langkah sewajarnya ke atas perkara-perkara berikut:

- i) semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapusira dan elaun secukupnya telah dibuat terhadap hutang ragu; dan
- ii) semua aset semasa yang tidak mungkin direalisasikan melalui urusan perniagaan biasa pada nilainya seperti yang ditunjukkan di dalam rekod perakaunan Kumpulan dan Bank telah dikurangkan nilainya kepada amaun yang disyorkan boleh direalisasikan.

Sepanjang pengetahuan Para Pengarah, pada tarikh laporan ini, tidak wujud sebarang keadaan yang boleh mengakibatkan perkara-perkara berikut:

- i) yang menyebabkan jumlah hutang lapuk yang dihapusira atau jumlah peruntukan hutang ragu/elaun kejejasan Kumpulan dan Bank tidak mencukupi dengan jumlah yang ketara; atau
- ii) yang menyebabkan nilai aset semasa Kumpulan dan Bank dalam penyata kewangan mengelirukan; atau
- iii) yang sebaliknya tidak dilaporkan dalam laporan ini atau akaun, yang menyebabkan sebarang jumlah dinyatakan dalam laporan kewangan Kumpulan dan Bank ini mengelirukan; atau
- iv) yang timbul sehingga cara menilai aset dan liabiliti sedia ada Kumpulan dan Bank mengelirukan atau tidak sesuai.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- i) sebarang cagaran ke atas aset Kumpulan dan Bank untuk menjamin liabiliti pihak lain sejak berakhirnya tahun kewangan; dan
- ii) sebarang liabiliti luar jangka bagi Kumpulan dan Bank sejak berakhirnya tahun kewangan.

Tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain daripada mana-mana syarikat dalam Kumpulan boleh dikuatkuasakan atau mungkin boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas berakhirnya tahun kewangan yang pada pendapat Para Pengarah, akan atau boleh menjejaskan dengan ketara keupayaan Kumpulan dan Bank untuk memenuhi kewajipan mereka apabila tiba masanya kelak.

Pada pendapat Para Pengarah, perolehan operasi Kumpulan dan Bank bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011 tidak terjejas secara ketara oleh sebarang perkara, urusanniaga atau peristiwa penting dan luarbiasa dan tiada sebarang perkara, urusanniaga atau peristiwa penting dan luarbiasa berlaku dalam tempoh di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga mengikut resolusi Para Pengarah.



.....  
Datuk Nozirah Binti Bahari  
Timbalan Pengerusi



.....  
Datuk Adinan Bin Maning  
Ahli Lembaga Pengarah

Tarikh: 05 MAR 2012



## LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang

Sebagai mematuhi surat perlantikan, kami dikehendaki mengemukakan laporan berikut :

Kami telah membuat semakan ke atas prinsip dan kontrak-kontrak berkaitan transaksi-transaksi dan pemakaian produk-produk Syariah yang diperkenalkan oleh Bank Simpanan Nasional dalam tempoh berakhir 31/12/2011. Kami juga telah membuat penilaian bagi merumus pendapat sama ada Bank Simpanan Nasional telah mematuhi prinsip-prinsip dan peraturan-peraturan Syariah yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan juga keputusan Syariah yang dibuat oleh pihak kami.

Pengurusan Bank Simpanan Nasional bertanggungjawab memastikan Bank menjalankan urusanniaga berkaitan produk-produk patuh Syariah selaras dengan prinsip-prinsip Syariah. Adalah tanggungjawab kami untuk merumus pendapat secara bebas, berdasarkan semakan kami ke atas operasi produk-produk patuh Syariah Bank Simpanan Nasional, dan untuk mengemukakan laporan ini.


Pendapat kami dirumus berdasarkan semakan kami dan maklumat yang dibentangkan kepada Jawatankuasa termasuk penilaian berdasarkan ujian ke atas setiap jenis transaksi, dokumen-dokumen yang berkaitan dan prosedur-prosedur yang digunakan oleh Bank Simpanan Nasional tidak melanggar prinsip-prinsip Syariah.

Bersandarkan kepada perkara di atas, kami berpendapat bahawa :

1. Kontrak, transaksi dan urusanniaga yang digunakan oleh Bank Simpanan Nasional pada tahun berakhir 31/12/2011 yang telah kami semak, mematuhi prinsip-prinsip Syariah;
2. Pengagihan keuntungan dan caj kerugian berkenaan akaun pelaburan mematuhi asas-asas yang telah diluluskan oleh kami berdasarkan prinsip-prinsip Syariah;
3. Pengiraan zakat mematuhi prinsip-prinsip Syariah.

Kami, ahli-ahli Jawatankuasa Syariah Bank Simpanan Nasional, dengan ini mengesahkan bahawa operasi produk-produk patuh Syariah Bank Simpanan Nasional untuk tahun berakhir 31/12/2011 telah dijalankan mengikut prinsip-prinsip Syariah.


Pengerusi Jawatankuasa Syariah:


  
(Dr. Mohd Fuad Md Sawari)

Ahli-ahli Jawatankuasa Syariah:

  
(En. Zainudin Ismail)

  
(Dr. Fauziah Mohd Noor)

  
(Dr. Ahmad Zaki Salleh)

  
(En. Md. Faruddin Md. Isa)

Tarikh: 5 Mac 2012

# PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2011

	NOTA	KUMPULAN		BANK	
		2011 RM'000	2010 RM'000	2011 RM'000	2010 RM'000
<b>ASET</b>					
Wang tunai dan dana jangka pendek	3	1,707,218	1,355,354	1,656,199	1,325,116
Sekuriti pelaburan	4	8,406,341	7,910,653	8,321,995	7,822,978
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	5	11,670,025	10,493,593	11,670,025	10,493,593
Aset-aset lain	7	291,821	222,164	224,117	187,260
Pelaburan dalam anak-anak syarikat	8	–	–	32,000	32,000
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	9	31,806	8,425	609	609
Hartanah, loji dan kelengkapan	10	327,695	305,274	315,246	292,740
Pajakan prabayar	11	82,859	83,431	82,859	83,431
Hartanah pelaburan	12	22,379	23,102	22,379	23,102
Aset cukai tertunda	19	19,103	33,432	12,357	28,881
Aset dana takaful am dan takaful keluarga	36	602,678	412,603	–	–
<b>Jumlah Aset</b>		<b>23,161,925</b>	<b>20,848,031</b>	<b>22,337,786</b>	<b>20,289,710</b>
<b>LIABILITI DAN EKUITI</b>					
Deposit daripada pelanggan	13	18,566,723	17,200,102	18,575,107	17,211,288
Deposit dan peletakan oleh bank dan institusi kewangan lain	14	1,009,608	696,773	1,009,608	696,773
Pendapatan tertunda	15	297,192	268,351	297,192	268,351
Pinjaman daripada institusi	16	16,774	16,737	16,774	16,737
Liabiliti-liabiliti lain	17	693,976	691,594	602,683	631,705
Peruntukan untuk cukai dan zakat	18	40,013	61,221	37,447	56,377
Liabiliti dana takaful am dan keluarga	36	107,579	74,414	–	–
Liabiliti dana pemegang polisi takaful am dan keluarga	36	495,099	338,189	–	–
<b>Jumlah liabiliti</b>		<b>21,226,964</b>	<b>19,347,381</b>	<b>20,538,811</b>	<b>18,881,231</b>
Jumlah rizab		1,853,764	1,429,088	1,798,975	1,408,479
Kepentingan minoriti		81,197	71,562	–	–
<b>Jumlah Liabiliti dan Ekuiti</b>		<b>23,161,925</b>	<b>20,848,031</b>	<b>22,337,786</b>	<b>20,289,710</b>
<b>KOMITMEN DAN LIABILITI LUAR JANGKA</b>					
	32	408,263	318,767	408,263	318,767

Nota yang dilampirkan merupakan bahagian penting dalam penyata kewangan

# PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

	NOTA	KUMPULAN		BANK	
		2011 RM'000	2010 RM'000	2011 RM'000	2010 RM'000
Hasil	20	1,739,295	1,524,747	1,457,021	1,294,150
Pendapatan faedah	21	742,424	657,863	738,352	655,563
Belanja faedah	22	(243,323)	(179,027)	(243,323)	(179,286)
Pendapatan faedah bersih		499,101	478,836	495,029	476,277
Pendapatan fi dan komisen	23	293,395	240,514	74,753	74,967
Pendapatan bersih daripada operasi perbankan Islam	35	436,523	376,858	436,523	376,858
Pendapatan operasi lain	24	85,264	103,184	25,704	40,434
Jumlah pendapatan bersih		1,314,283	1,199,392	1,032,009	968,536
Belanja personel	25	(382,047)	(329,221)	(356,833)	(313,119)
Overhed lain	26	(453,952)	(377,304)	(225,349)	(189,733)
Untung operasi sebelum elaun kejejasan		478,284	492,867	449,827	465,684
Elaun kejejasan masukkira semula ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	28	22,019	36,851	22,019	36,851
Elaun kejejasan dimasukkira semula aset lain	29	2,020	–	2,020	2,500
Untung operasi selepas elaun kejejasan		502,323	529,718	473,866	505,035
Bahagian untung/(rugi) selepas cukai dan kepentingan minoriti bagi ekuiti dikira milik syarikat bersekutu		23,381	(5,799)	–	–
Untung sebelum cukai dan zakat		525,704	523,919	473,866	505,035
Zakat		(5,128)	(4,836)	(4,750)	(4,700)
Belanja cukai	30	(115,604)	(146,230)	(107,959)	(140,409)
Untung bersih tahun semasa		404,972	372,853	361,157	359,926

Nota yang dilampirkan merupakan bahagian penting dalam penyata kewangan

NOTA	KUMPULAN		BANK	
	2011 RM'000	2010 RM'000	2011 RM'000	2010 RM'000
Baki dibawa dari hadapan Untung bersih tahun semasa	404,972	372,853	361,157	359,926
Pendapatan komprehensif yang lain selepas cukai				
Penilaian semula hartanah, loji dan kelengkapan	-	-	-	-
Nilai saksama sekuriti tersedia untuk jualan	632	9,720	632	9,720
Jumlah pendapatan komprehensif yang lain tahun semasa	632	9,720	632	9,720
Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa	405,604	382,573	361,789	369,646
Keuntungan boleh diagihkan kepada:				
Tertahan dalam Bank	395,337	366,025	361,157	359,926
Kepentingan minoriti	9,635	6,828	-	-
Untung bersih tahun semasa	404,972	372,853	361,157	359,926
Jumlah pendapatan komprehensif boleh diagihkan kepada:				
Tertahan dalam Bank	395,969	375,745	361,789	369,646
Kepentingan minoriti	9,635	6,828	-	-
Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa	405,604	382,573	361,789	369,646



# PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI DISATUKAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

	NOTA	← Tak boleh agih →			Boleh agih		Jumlah Rizab RM'000	Kepentingan Minoriti RM'000	Jumlah Ekuiti RM'000
		Rizab Am RM'000	Rizab Nilai Saksama RM'000	Rizab Modal* RM'000	Rizab Perimbangan Keuntungan RM'000	Perolehan Tertahan RM'000			
<b>KUMPULAN</b>									
Pada 1 Januari 2010									
Seperti dinyatakan sebelumnya		100,000	(11,116)	257,402	-	730,828	1,077,114	64,734	1,141,848
Kesan pemakaian FRS 139									
BNM GP3		-	-	-	-	577,348	577,348	-	577,348
FRS 139		-	-	-	-	(601,119)	(601,119)	-	(601,119)
Pada 1 Januari seperti dinyatakan semula		100,000	(11,116)	257,402	-	707,057	1,053,343	64,734	1,118,077
Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa									
Untung tahun semasa		-	-	-	-	366,025	366,025	6,828	372,853
Pendapatan komprehensif yang lain tahun semasa		-	9,720	-	-	-	9,720	-	9,720
Pindahan kepada rizab modal		-	-	179,963	-	(179,963)	-	-	-
Pada 31 Disember 2010/ 1 Januari 2011		100,000	(1,396)	437,365	-	893,119	1,429,088	71,562	1,500,650
Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa									
Untung tahun semasa		-	-	-	-	395,337	395,337	9,635	404,972
Pendapatan komprehensif yang lain tahun semasa		-	632	-	-	-	632	-	632
Pematuhan rizab penyamaan untung bersih cukai									
Pindahan daripada rizab penyamaan untung pendeposit		-	-	-	42,427	-	42,427	-	42,427
Penggunaan rizab		-	-	-	4,549	(18,269)	(13,720)	-	(13,720)
Pindahan kepada rizab modal		-	-	180,579	-	(180,579)	-	-	-
Pada 31 Disember 2011		100,000	(764)	617,944	46,976	1,089,608	1,853,764	81,197	1,934,961

\* Rizab modal selaras dengan keperluan Seksyen 39 Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dengan memindahkan 50% daripada keuntungan selepas cukai.

# PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

	NOTA	Tak boleh agih			Boleh agih		
		Rizab Am RM'000	Rizab Nilai Saksama RM'000	Rizab Modal* RM'000	Rizab Perimbangan Keuntungan RM'000	Perolehan Tertahan RM'000	Jumlah Rizab RM'000
<b>BANK</b>							
Pada 1 Januari 2010							
Seperti dinyatakan sebelumnya		100,000	(11,116)	257,402	-	718,078	1,064,364
Kesan pemakaian FRS 139							
BNM GP3		-	-	-	-	577,348	577,348
FRS 139		-	-	-	-	(602,879)	(602,879)
Pada 1 Januari seperti dinyatakan semula		100,000	(11,116)	257,402	-	692,547	1,038,833
Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa							
Untung tahun semasa		-	-	-	-	359,926	359,926
Pendapatan komprehensif yang lain tahun semasa		-	9,720	-	-	-	9,720
Pindahan kepada rizab modal		-	-	179,963	-	(179,963)	-
Pada 31 Disember 2010/1 Januari 2011		100,000	(1,396)	437,365	-	872,510	1,408,479
Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa							
Untung tahun semasa		-	-	-	-	361,157	361,157
Pendapatan komprehensif yang lain tahun semasa		-	632	-	-	-	632
Pematuhan rizab penyamaan untung bersih cukai							
Pindahan daripada rizab penyamaan untung pendeposit		-	-	-	42,427	-	42,427
Penggunaan rizab		-	-	-	4,549	(18,269)	(13,720)
Pindahan kepada rizab modal		-	-	180,579	-	(180,579)	-
Pada 31 Disember 2011		100,000	(764)	617,944	46,976	1,034,819	1,798,975

\* Rizab modal selaras dengan keperluan Seksyen 39 Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dengan memindahkan 50% daripada keuntungan selepas cukai.

# PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

	KUMPULAN		BANK	
	2011 RM'000	2010 RM'000	2011 RM'000	2010 RM'000
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>				
Untung sebelum cukai dan zakat dan kepentingan minoriti	525,704	523,919	473,866	505,035
Pelarasan untuk:				
(Pertambahan diskaun)/peluasan premium bersih	(28,589)	14,562	(28,589)	14,562
Susutnilai	51,685	41,859	48,057	38,973
Dimasukkira semula kejejasan hartanah, loji dan kelengkapan	–	(56)	–	–
Kesan pemakaian FRS 139	–	(23,771)	–	(25,531)
Hartanah, loji dan kelengkapan dihapuskira	60	823	59	345
Pelarasan hartanah, loji dan kelengkapan	310	240	310	184
(Laba)/rugi ke atas pelupusan hartanah, loji dan kelengkapan	(655)	13	(655)	–
Elaun kejejasan kolektif untuk pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	73,184	111,041	73,184	111,041
Hapuskira pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dimasukkira semula	(11,739)	(8,922)	(11,739)	(8,922)
Elaun kejejasan bagi hutang ragu bagi belum terima yang dimasukkan dalam aset-aset lain dimasukkira semula	(97)	(322)	(97)	(322)
Hutang lapuk dihapuskira	63,156	160,074	63,156	160,074
Bahagian (untung)/rugi tertahan dalam syarikat bersekutu	(23,381)	5,799	–	–
Laba bersih daripada pelupusan sekuriti pelaburan	(14,835)	(15,044)	(12,759)	(14,789)
Kerugian daripada pembubaran anak syarikat	–	1	–	–
Pendapatan dividen	(4,936)	(9,114)	(4,936)	(9,114)
Rizab penyamaan untung	1,876	5,724	1,876	5,724
Untung operasi sebelum perubahan modal kerja	631,743	806,826	601,733	777,260
Perubahan dalam deposit dan peletakan dengan institusi kewangan	–	45,000	–	45,000
Perubahan dalam pinjaman dan pendahuluan	(1,301,033)	(1,535,746)	(1,301,033)	(1,535,746)
Perubahan dalam aset-aset lain	(69,560)	(18,418)	(36,760)	(18,319)
Perubahan dalam deposit daripada pelanggan	1,366,621	1,007,342	1,363,819	1,012,285
Perubahan dalam deposit dan peletakan institusi kewangan	312,835	(108,305)	312,835	(108,305)
Perubahan dalam liabiliti-liabiliti lain	44,041	94,379	11,950	81,959
Aliran tunai daripada operasi	984,647	291,078	952,544	254,134

Nota yang dilampirkan merupakan bahagian penting dalam penyata kewangan

	KUMPULAN		BANK	
	2011 RM'000	2010 RM'000	2011 RM'000	2010 RM'000
Baki dibawa dari hadapan	984,647	291,078	952,544	254,134
Cukai dibayar	(138,216)	(135,398)	(125,662)	(129,303)
Cukai kredit diterima	–	5,346	251	5,346
Zakat dibayar	(4,434)	(4,793)	(4,056)	(4,657)
Tunai bersih daripada aktiviti operasi	841,997	156,233	823,077	125,520
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>				
Hasil daripada pelupusan hartanah, loji dan kelengkapan	1,827	–	1,827	–
Pelaburan dalam syarikat subsidiari dibubarkan	–	2,499	–	2,500
Masukkira semula kejejasan pelaburan anak syarikat	–	(2,500)	–	(2,500)
Pembelian hartanah, loji dan kelengkapan	(74,353)	(75,301)	(70,809)	(69,845)
Pembelian bersih sekuriti pelaburan	(2,870,106)	(2,910,548)	(2,873,147)	(2,335,329)
Dividen diterima	4,936	7,947	4,936	7,947
Hasil daripada pelupusan sekuriti pelaburan	2,418,685	2,580,283	2,416,321	2,018,643
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(519,011)	(397,620)	(520,872)	(378,584)
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>				
Penerimaan pinjaman daripada institusi kewangan	4,229	4,115	4,229	4,115
Pembayaran pinjaman kepada institusi kewangan	(4,192)	–	(4,192)	–
Penggunaan geran Kerajaan	(1,159)	(569)	(1,159)	(569)
Geran diterima daripada Kerajaan	30,000	200,000	30,000	200,000
Tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan	28,878	203,546	28,878	203,546
<b>PENINGKATAN/(PENURUNAN) BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA 1 JANUARI</b>	351,864	(37,841)	331,083	(49,518)
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA 31 DISEMBER</b>	1,355,354	1,393,195	1,325,116	1,374,634
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI MEWAKILI:</b>	1,707,218	1,355,354	1,656,199	1,325,116
Wang tunai dan dana jangka pendek (Nota 3)	1,707,218	1,355,354	1,656,199	1,325,116



# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## MAKLUMAT AM

Bank Simpanan Nasional ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974 dan ditubuhkan di Malaysia. Alamat pejabat berdaftar dan lokasi utama perniagaan adalah seperti berikut:

Wisma BSN,  
117, Jalan Ampang,  
50450 Kuala Lumpur.

Penyata kewangan disatukan setakat dan untuk tahun berakhir 31 Disember 2011 terdiri daripada Bank dan anak-anak syarikatnya (bersama dirujuk sebagai Kumpulan) dan kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu. Penyata kewangan Bank pada dan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011 tidak termasuk entiti-entiti lain.

Aktiviti utama Bank ialah untuk menjalankan fungsi-fungsi sebagai sebuah bank simpanan iaitu menerima deposit dan memberi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kepada pelanggan termasuk operasi perbankan Islam.

Aktiviti utama bagi anak-anak syarikat ialah seperti yang dinyatakan dalam Nota 8.

## 1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

### a) Penyata pematuhan

Penyata kewangan Kumpulan dan Bank telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan (FRS) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB), Garispanduan-garispanduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Pekeliling Perbendaharaan, prinsip-prinsip perakaunan yang secara umumnya diterima di Malaysia, Akta Bank Simpanan Nasional 1974, Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, Akta Takaful 1984 dan keperluan Syariah, di mana berkaitan.

#### *Penjajaran antara FRS dengan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (IFRS)*

Pada 19 November 2011, MASB telah mengeluarkan satu rangkakerja baru Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), terdiri daripada piawaian-piawaian perakaunan yang selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa (IASB). Rangkakerja MFRS ini berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula selepas 1 Januari 2012. Pada 31 Disember 2011, semua piawaian FRS yang dikeluarkan di bawah rangkakerja FRS sedia ada sama seperti piawaian-piawaian MFRS, kecuali perbezaan yang berhubung kait dengan peruntukan peralihan termasuk juga perbezaan dalam tarikh-tarikh berkuatkuasa yang terkandung di dalam FRS tertentu sedia ada.

Penyata kewangan ini diluluskan untuk terbitan oleh Lembaga Pengarah pada 5 Mac 2012.

### b) Asas ukuran

Penyata kewangan telah disediakan berasaskan asas kos sejarah melainkan yang berikut:

- i) Instrumen kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi diukur pada nilai saksama.
- ii) Aset kewangan tersedia untuk dijual diukur pada nilai saksama.

### c) Mata wang fungsian dan dipersembahkan

Penyata kewangan ini dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM), iaitu fungsi matawang Bank dan telah dibundarkan ke nilai ribu terdekat, kecuali dinyatakan sebaliknya.

## 1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (Sambungan)

### d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Bank selaras dengan FRS yang memerlukan pihak pengurusan untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang mempengaruhi penggunaan dasar perakaunan dan nilai yang dilaporkan untuk aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Keputusan sebenar kemungkinan berbeza daripada anggaran yang dilakukan.

Anggaran dan andaian yang digunakan telah dikaji semula secara berterusan. Semakan terhadap anggaran-anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran itu disemak semula dan dalam mana-mana tempoh masa depan yang terlibat.

Maklumat berkaitan bahagian-bahagian penganggaran, ketidakpastian dan pertimbangan kritikal yang signifikan dalam penggunaan dasar perakaunan yang mempunyai kesan paling ketara ke atas amaun diiktiraf dalam penyata kewangan dinyatakan dalam Nota 34.

### e) Perubahan dasar perakaunan

Berkuatkuasa 1 Julai 2011, Kumpulan dan Bank mengubah dasar perakaunan dalam perkara berikut:

#### Rizab penyamaan untung

Kumpulan dan Bank mengguna pakai Garis Panduan BNM/RH/GL 008-12 – Garis Panduan Rizab Penyamaan Untung. Garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ini mengenalkan sebagai satu mekanisme yang membolehkan Kumpulan dan Bank membuat mitigasi terhadap risiko pengurangan pendapatan dan untuk penyelenggaraan kadar agihan pendapatan yang berdaya saing atau kadar simpanan. Rizab ini merujuk kepada jumlah yang bersesuaian diambil daripada pendapatan kasar operasi perbankan Islam Kumpulan dan Bank digunakan untuk menyelenggara tahap agihan keuntungan yang bersesuaian kepada pemegang pelaburan.

Rizab penyamaan untung bagi bahagian pemegang pelaburan diklasifikasikan sebagai liabiliti dan diiktiraf pada kos dan agihan seterusnya diiktiraf di dalam penyata pendapatan komprehensif. Rizab penyamaan untung bagi bahagian Kumpulan dan Bank diklasifikasikan sebagai rizab lain di dalam ekuiti dan agihan dari dan kepada ekuiti seterusnya diiktiraf sebagai pindahan di dalam rizab.

### f) Piawaian, pindaan dan interpretasi IC baru yang belum digunapakai

Berikut ialah Piawaian Pelaporan Kewangan (FRS), Pindaan-pindaan dan Interpretasi IC, Keluaran Teknikal (TR) yang berkaitan yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) pada tarikh kedudukan kewangan tetapi masih belum digunapakai oleh Kumpulan dan Bank:

#### i) Berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2011

Interpretasi IC 19	Pemadaman liabiliti kewangan dengan instrumen ekuiti
Pindaan interpretasi IC 14	Prabayar untuk kehendak dana minimum

#### ii) Berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2012

FRS 124	Pendedahan pihak berkaitan
Interpretasi IC 15	Perjanjian untuk pembangunan hartanah

Piawaian FRS, pindaan kepada FRS, Interpretasi IC, Pindaan kepada Interpretasi IC dan Terbitan Teknikal (TR) yang berkaitan dengan Kumpulan dan Bank yang telah dikeluarkan tetapi belum diterima pakai oleh Kumpulan dan Bank diingkaskan seperti berikut:

#### FRS 124 Pendedahan pihak-pihak berkaitan

Semakan piawaian ini menerangkan dengan mudah tentang definisi pihak-pihak berkaitan, menjelaskan maksud sebenar, menyingkirkan perkara yang tidak konsisten dalam definisi dan memberi sebahagian pengecualian dari pendedahan untuk entiti berkaitan Kerajaan. Perubahan ini hanya mempengaruhi pendedahan dalam penyata kewangan dan tidak memberi sebarang kesan kepada keputusan kewangan Kumpulan dan Bank.

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

### 2. DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar perakaunan yang dinyatakan di bawah telah diguna secara konsisten untuk semua tempoh yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini dan telah diguna secara konsisten oleh Kumpulan dan Bank, kecuali dinyatakan sebaliknya.

#### a) Asas penyatuan

##### i) Anak-anak syarikat

Anak-anak syarikat ialah entiti, termasuk entiti yang tidak diperbadankan yang dikawal oleh Kumpulan. Kawalan wujud apabila Kumpulan mempunyai kuasa untuk mentadbir dasar kewangan dan operasi sesebuah entiti agar mendapat manfaat daripada aktivitiinya. Dalam menilai kawalan, hak mengundi berpotensi yang boleh dilaksanakan ketika ini telah diambilkira.

Penyata kewangan anak-anak syarikat dimasukkan dalam penyata kewangan disatukan dari tarikh kawalan tersebut bermula, sehingga ke tarikh kawalan tersebut terhenti.

Pelaburan dalam anak-anak syarikat dinyatakan dalam penyata kedudukan kewangan Bank pada kos tolak kerugian kejejasan, melainkan pelaburan tersebut diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan (atau dimasukkan dalam kumpulan pelupusan yang diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan).

Kepentingan minoriti pada tarikh penyata kedudukan kewangan yang merupakan bahagian aset bersih anak-anak syarikat yang dianggap sebagai sebahagian daripada kepentingan ekuiti yang tidak dimiliki oleh Bank, sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui anak-anak syarikat, dibentangkan dalam penyata kedudukan kewangan disatukan dan penyata perubahan ekuiti dalam ekuiti, berasingan daripada ekuiti disebabkan oleh pemegang saham ekuiti Bank.

Kepentingan minoriti dalam keputusan Kumpulan dibentangkan pada muka penyata pendapatan komprehensif disatukan sebagai pembahagian jumlah keuntungan atau kerugian untuk tahun itu antara kepentingan minoriti dengan pemegang saham ekuiti Bank.

Jika kerugian berkaitan dengan minoriti melebihi kepentingan minoriti dalam ekuiti anak-anak syarikat, amaun berlebihan itu dan sebarang kerugian selanjutnya berkaitan dengan minoriti, akan dicaj berdasarkan kepentingan Kumpulan kecuali setakat mana minoriti tersebut mempunyai obligasi terikat untuk, dan berupaya untuk, membuat pelaburan tambahan bagi menutupi kerugian itu.

Jika anak-anak syarikat itu seterusnya melaporkan keuntungan, maka kepentingan Kumpulan diperuntukkan kesemua untung sedemikian sehingga bahagian kerugian minoriti yang sebelumnya diserap oleh Kumpulan telah dipulihkan.

##### ii) Sekutu

Sekutu ialah entiti, termasuk entiti tidak diperbadankan, di mana Kumpulan mempunyai pengaruh besar tetapi bukan kawalan ke atas dasar kewangan dan operasi.

Sekutu diambilkira dalam penyata kewangan disatukan menggunakan kaedah ekuiti melainkan ia diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan (atau dimasukkan dalam kumpulan pelupusan yang diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan). Penyata kewangan disatukan termasuk bahagian Kumpulan dalam pendapatan dan belanja bagi ekuiti dikira milik syarikat bersekutu, selepas pelarasan untuk menyelaraskan dasar perakaunan dengan yang digunakan oleh Kumpulan, dari tarikh pengaruh ketara tersebut bermula sehingga ke tarikh pengaruh ketara tersebut berakhir.

Apabila bahagian kerugian Kumpulan melebihi kepentingannya dalam ekuiti dikira milik syarikat bersekutu, amaun dibawa bagi kepentingan tersebut (termasuk sebarang pelaburan jangka panjang) dikurangkan ke kosong dan pengiktirafan kerugian seterusnya dihentikan kecuali setakat yang Kumpulan mempunyai obligasi atau telah membuat bayaran bagi pihak penerima pelaburan.

Pelaburan dalam sekutu dinyatakan dalam penyata kedudukan kewangan Bank pada kos tolak kerugian kejejasan, melainkan pelaburan tersebut diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan (atau dimasukkan dalam kumpulan pelupusan yang diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan).

## 2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

### a) Asas penyatuan (Sambungan)

#### iii) Urusniaga disingkirkan apabila disatukan

Baki dalam Kumpulan dan sebarang pendapatan dan belanja belum direalisasikan yang timbul daripada urusniaga dalam Kumpulan, disingkirkan semasa menyediakan penyata kewangan disatukan.

Keuntungan belum direalisasi yang timbul akibat urusniaga dengan pihak anak-anak syarikat disingkirkan daripada pelaburan tersebut setakat kepentingan Kumpulan dalam anak-anak syarikat tersebut. Kerugian belum direalisasi disingkir dengan cara yang sama dengan laba belum direalisasi tetapi hanya setakat mana tidak terdapat bukti kejejasan.

### b) Urusniaga matawang asing

Urusniaga dalam matawang asing diterjemahkan kepada matawang fungsian mengikut entiti Kumpulan masing-masing pada kadar pertukaran pada tarikh urusniaga.

Aset dan liabiliti monetari disebut dalam matawang asing pada tarikh penyata kedudukan kewangan ditukarkan semula kepada matawang fungsian pada kadar pertukaran pada tarikh tersebut. Aset dan liabiliti bukan monetari dalam matawang asing yang diukur pada nilai saksama ditukarkan semula kepada matawang fungsian pada kadar pertukaran pada tarikh nilai saksama itu ditentukan. Perbezaan matawang asing disebabkan oleh pertukaran semula ini diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif.

### c) Faedah/Untung

Pendapatan dan perbelanjaan faedah/untung diiktiraf di dalam untung atau rugi menggunakan kaedah faedah dan untung efektif. Kadar faedah dan untung efektif ialah kadar yang tepat mendiskaunkan anggaran pembayaran dan penerimaan tunai masa depan melalui jangka hayat aset dan liabiliti kewangan (atau di mana berkaitan, suatu tempoh yang lebih pendek) kepada nilai bawaan aset/liabiliti kewangan. Ketika pengiraan kadar faedah dan untung efektif, Kumpulan dan Bank menganggarkan aliran tunai masa depan dengan mengambil kira semua terma-terma kontrak instrumen kewangan tetapi tidak mengambil kira kerugian kredit masa depan.

Pengiraan kadar faedah dan untung efektif merangkumi semua fi dan komisen dibayar atau diterima yang merupakan bahagian yang tidak dipisahkan dari kadar faedah/untung efektif.

Kos transaksi termasuk kos tambahan yang secara langsung menyumbang kepada perolehan dan pengwujudan aset atau liabiliti kewangan.

Pendapatan dan perbelanjaan faedah dan untung yang dibentangkan dalam penyata pendapatan komprehensif merangkumi:

- i) Faedah/untung atas aset kewangan dan liabiliti kewangan yang diukur pada kos dilunaskan dikira menggunakan asas kadar faedah/untung efektif.
- ii) Faedah/untung atas sekuriti tersedia untuk jualan dikira berasaskan kaedah faedah/untung efektif.

Pendapatan dan perbelanjaan faedah/untung bagi semua aset dan liabiliti dagangan dianggap sebagai penambahan kepada operasi dagangan Kumpulan dan Bank dan dibentangkan bersama perubahan lain di dalam nilai saksama bagi aset dan liabiliti dagangan di dalam pendapatan dagangan bersih.



## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

### 2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

#### d) Fi dan komisen

Pendapatan dan perbelanjaan fi dan komisen yang dapat dikaitkan dengan kadar faedah/untung efektif atas aset dan liabiliti kewangan telah dimasukkira dalam pengukuran kadar faedah/untung efektif.

Pendapatan fi dan komisen lain merangkumi fi perkhidmatan akaun, fi pengurusan pelaburan, komisen jualan, fi pinjaman bersindiket dan fi peletakan pasaran wang diiktiraf setelah perkhidmatan berkaitan diberikan. Apabila komitmen pinjaman yang tidak mengakibatkan kepada penarikan balik pinjaman, fi komitmen pinjaman berkenaan diiktiraf secara asas sama rata sepanjang tempoh komitmen tersebut.

Perbelanjaan fi dan komisen yang terutamanya berkaitan dengan urusanniaga dan fi perkhidmatan yang diambilkira sebagai belanja apabila perkhidmatan berkaitan diterima.

#### Fi wakalah, belanja komisen dan belanja pengurusan

Mengikut prinsip wakalah yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah dan dipersetujui oleh pemegang polisi dan anak syarikat, satu peratusan ke atas sumbangan kasar yang dipersetujui akan dikenakan oleh dana pemegang saham atas asas 'upfront' kepada dana takaful am dan takaful keluarga sebagai fi wakalah.

Fi wakalah yang dikenakan oleh dana pemegang saham dari peserta diguna untuk membayar belanja pengurusan dan belanja komisen dalam dana pemegang saham yang berlaku dalam dana takaful am dan keluarga. Semua belanja pengurusan diiktiraf dalam dana pemegang saham, apabila berlaku.

Perbelanjaan komisen, iaitu kos langsung yang berlaku untuk memastikan sumbangan sijil takaful dipelihara, diiktiraf dalam dana pemegang saham sebagai perbelanjaan dan diagihkan sewajarnya kepada tempoh di mana besar kemungkinan ianya memberi peningkatan kepada pendapatan.

#### e) Pendapatan dagangan bersih

Pendapatan dagangan bersih terdiri daripada laba setelah dikurangkan kerugian yang mempunyai kaitan kepada aset dan liabiliti dagangan dan merangkumi semua perubahan nilai saksama sama ada yang telah direalisasi/belum direalisasi, faedah/untung dan dividen.

#### f) Dividen

Pendapatan dividen daripada pelaburan dalam anak-anak syarikat, syarikat bersekutu dan pelaburan lain diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk menerima bayaran ditentukan.

#### g) Geran Kerajaan

Penerimaan geran Kerajaan adalah berkaitan dengan aset yang diambilkira sebagai pendapatan tertunda; dan

- i) amaun susutnilai tahunan ke atas harta-harta yang dibiayai melalui geran tersebut diiktiraf sebagai pendapatan bagi keseluruhan jangkamasa hayat penggunaan harta-harta berkenaan; dan
- ii) amaun kerugian secara individu terhadap pinjaman yang dibiayai melalui geran sepanjang tempoh pinjaman.

## 2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

### h) Belanja cukai

Belanja cukai terdiri daripada cukai semasa dan tertunda. Belanja cukai diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif kecuali setakat ia berkaitan dengan butiran yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti telah diiktiraf dalam ekuiti.

Cukai semasa ialah cukai dijangka perlu dibayar atau diterima ke atas pendapatan boleh cukai atau kerugian untuk tahun itu, menggunakan kadar cukai yang digubal atau digubal sebahagiannya pada tarikh pelaporan dan sebarang pelarasan kepada cukai perlu dibayar bagi tahun sebelumnya.

Cukai tertunda diiktiraf menggunakan kaedah penyata kedudukan kewangan. Kaedah ini memberikan perbezaan sementara antara amaun dibawa bagi aset-aset dan liabiliti-liabiliti untuk tujuan pelaporan dan amaun yang digunakan untuk tujuan pencukaian. Cukai tertunda tidak diiktiraf untuk perbezaan sementara berikut; pengiktirafan awal muhibah, pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam satu urusanniaga yang bukan gabungan perniagaan dan yang tidak menjejaskan sama ada untung/rugi perakaunan atau untung/rugi boleh cukai. Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan untuk perbezaan sementara apabila dibalikkan, berasaskan undang-undang yang telah digubal atau digubal secara substantif pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara boleh cukai.

Aset cukai tertunda diiktiraf setakat yang kemungkinan bahawa untung boleh cukai masa depan diperolehi, yang dengannya, perbezaan sementara boleh digunakan. Aset cukai tertunda disemak pada setiap tarikh melapor dan dikurangkan hingga ke takat yang manfaat cukai berkaitan tidak lagi mungkin terealisasi.

Cukai tambahan yang timbul daripada agihan dividen diiktiraf pada masa yang sama apabila liabiliti untuk membayar dividen berkaitan diiktiraf.

### i) Aset dan liabiliti kewangan

#### a) Pengiktirafan

Kumpulan dan Bank pada awalnya mengiktiraf pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, deposit dan peletakan dengan bank dan institusi kewangan lain pada tarikh asal mereka. Pembelian dan penjualan aset kewangan diiktiraf pada tarikh dagangan di mana Kumpulan dan Bank bertanggungjawab untuk membeli atau menjual aset kewangan tersebut. Semua aset dan liabiliti kewangan yang lain (termasuk aset dan liabiliti ditandakan pada nilai saksama melalui untung atau rugi) pada awalnya diiktiraf pada tarikh dagangan di mana Kumpulan dan Bank menjadi pihak di bawah peruntukan kontrak dalam instrumen tersebut.

Suatu aset dan liabiliti kewangan pada awalnya diukur berasaskan nilai saksama bertokok, manakala bagi item-item yang tidak berada pada nilai saksama melalui untung atau rugi, kos-kos transaksi menyumbang secara langsung kepada pemilikan atau peletakan.

#### b) Penyahiktirafan

Kumpulan dan Bank menyahiktiraf aset kewangan pada ketika hak kontrak untuk aliran tunai terhadap aset kewangan tersebut berakhir atau ketika pemindahan aset kewangan dalam suatu transaksi di mana secara ketaranya ganjaran dan risiko terhadap pemilikan dipindahkan atau di mana Kumpulan dan Bank tidak memindah milik mahupun mempertahankan secara signifikan ganjaran dan risiko dan tidak mempertahankan kawalan terhadap aset kewangan tersebut.

Setiap kepentingan terhadap aset kewangan yang telah dipindah milik yang memenuhi syarat penyahiktirafan yang dibuat atau tertahan dalam Kumpulan dan Bank diiktiraf sebagai aset atau liabiliti kewangan secara berasingan di dalam penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Bank.

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

### 2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

#### i) Aset dan liabiliti kewangan (Sambungan)

##### b) Penyahiktirafan (Sambungan)

Ketika penyahiktirafan aset kewangan, perbezaan antara nilai bawaan aset (atau nilai bawaan yang telah diagihkan kepada bahagian aset yang telah dipindahkan) dan jumlah dari

- i) balasan yang telah diterima (termasuk apa-apa aset baru yang baru diperolehi dikurangkan dengan sebarang liabiliti baru yang dianggarkan); dan
- ii) sebarang laba atau kerugian terkumpul yang telah diiktiraf di dalam penyata pendapatan komprehensif dibentangkan;

sebagai pendapatan komprehensif lain.

Kumpulan dan Bank terlibat dalam transaksi di mana pemindahan aset telah diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan, tetapi ganjaran dan risiko masih kekal sama ada secara keseluruhan atau sebahagian besar daripada pemindahan aset atau sebahagiannya.

Jika keseluruhan atau sebahagian besar risiko dan ganjaran masih kekal, dengan demikian aset yang dipindahkan tidak dinyahiktiraf. Pindahan aset juga tidak dinyahiktiraf dengan menahan semua atau sebahagian besar termasuk risiko dan ganjarannya, sebagai contoh; Urusniaga peletakan sekuriti dan pembelian semula.

Apabila aset telah dijual kepada pihak ketiga dengan kesamaan jumlah kadar pulangan pertukaran atas aset yang telah dipindahkan, urusniaga berkenaan diakaunkan sebagai urusniaga pembiayaan terjamin sama seperti urusniaga belian semula memandangkan Kumpulan dan Bank mengekalkan keseluruhan atau sebahagian besar risiko dan ganjaran bagi pemilikan aset tersebut.

Dalam transaksi di mana Kumpulan dan Bank tidak mengekalkan atau mengalihkan sebahagian besar risiko dan ganjaran bagi pemilikan aset kewangan dan mengekalkan kawalan ke atas aset, Kumpulan dan Bank akan berterusan mengiktiraf aset tersebut sehingga ia terdedah kepada perubahan dalam nilai aset yang dipindahkan.

Di dalam urusniaga-urusniaga tertentu Kumpulan dan Bank mengekalkan obligasi dengan mengenakan fi ke atas aset kewangan yang dipindahkan.

Aset yang telah dipindahkan dinyahiktiraf sekiranya aset tersebut memenuhi kriteria penyahiktirafan. Aset dan liabiliti kewangan diiktiraf untuk tujuan kontrak perkhidmatan bergantung sama ada fi perkhidmatan melebihi kecukupan (aset) atau kurangan (liabiliti) dalam menyempurnakan perkhidmatan.

Kumpulan dan Bank menyahiktiraf liabiliti kewangan apabila obligasi kontrak telah dilucutkan atau dibatalkan atau cukup tempoh.

#### c) Pengimbangan

Aset dan liabiliti kewangan diimbang (offset) dan amaun bersih ditunjukkan dalam penyata kedudukan kewangan apabila dan hanya apabila Kumpulan dan Bank mempunyai hak undang-undang untuk mengimbang amaun diiktiraf dengan niat, sama ada untuk menyelesaikan secara asas bersih atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

Pendapatan dan perbelanjaan telah ditunjukkan secara asas bersih hanya apabila jika dibenarkan di bawah FRS atau untuk laba dan kerugian yang timbul dari kumpulan urusniaga yang sama seperti dalam aktiviti perdagangan Kumpulan dan Bank.

#### d) Pengukuran kos dilunaskan

Kos dilunaskan bagi aset dan liabiliti kewangan ialah amaun di mana aset dan liabiliti kewangan diukur pada pengiktirafan awalan secara dikurangkan bayaran balik pokok, tambah atau kurang pelunasan terkumpul dengan menggunakan kaedah faedah/untung efektif untuk sebarang perbezaan antara amaun awalan yang telah diiktiraf dan amaun ketika matang, mengambilkira pengurangan kejejasan.

## 2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

### i) Aset dan liabiliti kewangan (Sambungan)

#### e) Pengukuran nilai saksama

Nilai saksama ialah jumlah di mana aset boleh ditukarkan atau liabiliti diselesaikan, dalam pengetahuan dan kesediaan pihak-pihak dalam urusanniaga tulus (knowledgeable, willing parties and arm's length transaction) pada tarikh pengukuran.

Kumpulan dan Bank mengukur nilai saksama instrumen menggunakan harga tersiar dalam pasaran aktif untuk instrumen tersebut apabila harga tersebut tersedia. Pasaran dianggap sebagai aktif jika harga yang tersenarai sentiasa dan tersedia untuk diperolehi dan menggambarkan keadaan sebenar dan urusanniaga di pasaran sentiasa berlaku secara tulus.

Jika pasaran instrumen kewangan tidak aktif, Kumpulan dan Bank menetapkan nilai saksama dengan menggunakan teknik penilaian. Teknik penilaian termasuk menggunakan urusanniaga-urusanniaga tulus terkini dalam pengetahuan dan kesediaan pihak-pihak dalam urusanniaga tulus, pihak bersedia (sekiranya ada), rujukan kepada nilai saksama semasa bagi instrumen-instrumen lain yang secara ketara adalah sama, analisa-analisa aliran tunai didiskaunkan dan model opsyen harga.

Teknik penilaian yang telah dipilih menggunakan semaksima input-input pasaran, bersandarkan sesedikit mungkin pada anggaran khusus untuk Kumpulan dan Bank; menggabungkan semua faktor bahawa peserta-peserta pasaran akan pertimbangkan semasa penetapan harga; dan konsisten dengan metodologi ekonomi yang diterima bagi instrumen-instrumen kewangan. Input-input kepada teknik penilaian menggambarkan jangkaan pasaran dan ukuran kepada faktor pulangan risiko yang ada pada instrumen kewangan.

Kumpulan dan Bank menentukan teknik penilaian dan mengujinya untuk pengesahan dengan menggunakan harga yang diamati dari urusanniaga-urusanniaga pasaran semasa bagi instrumen yang sama atau berasaskan kepada data pasaran sedia ada lain yang boleh diamati.

Bukti terbaik daripada nilai saksama suatu instrumen kewangan ketika pengiktirafan awalan ialah harga urusanniaga, iaitu nilai saksama bagi balasan yang diterima atau diberi kecuai, nilai saksama bagi instrumen dibuktikan secara perbandingan dengan urusanniaga-urusanniaga pasaran semasa lain yang boleh diamati dalam instrumen yang sama (iaitu tanpa modifikasi atau dipakej semula) atau berasaskan suatu teknik penilaian yang meliputi pembolehubah hanya merangkumi data dari pasaran diamati.

Apabila harga transaksi menunjukkan bukti terbaik daripada nilai saksama pada ketika pengiktirafan awalan, instrumen kewangan pada awalnya diukur dengan harga transaksi. Sebarang perbezaan antara harga ini dan nilai awal yang diperolehi dari model penilaian, selanjutnya diiktiraf dalam untung atau rugi atas asas yang tepat selama hayat instrumen tetapi tidak boleh melebihi daripada penilaian yang telah disokong sepenuhnya oleh data pasaran yang boleh diamati atau transaksi yang telah ditutup.

Aset dan instrumen jangka panjang diukur pada harga bidaan; liabiliti-liabiliti dan instrumen jangka pendek diukur pada harga jualan.

Apabila Kumpulan dan Bank berada pada kedudukan untuk mengimbangkan risiko, harga pasaran penengah (mid-market price) akan digunakan. Bidaan atau pelarasan harga jualan digunapakai hanya kepada posisi terbuka bersih seperti yang berkaitan.

Nilai saksama menggambarkan risiko kredit dari instrumen dan ianya merangkumi pelarasan-pelarasan untuk mengira risiko kredit bagi Kumpulan dan Bank dan pihak berurusanniaga yang mana berkaitan. Anggaran-anggaran nilai saksama yang diperolehi dari model-model diselaraskan untuk setiap faktor lain seperti risiko kecairan atau model ketidakpastian, sejauh mana Kumpulan dan Bank berpendapat peserta pasaran pihak ketiga akan diambilkira dalam penentuan harga transaksi.



## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

### 2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

#### i) Aset dan liabiliti kewangan (Sambungan)

##### f) Pengenalpastian dan pengukuran kejejasan nilai

Pada setiap tarikh pelaporan, Kumpulan dan Bank menilai sama ada terdapat bukti-bukti objektif aset-aset kewangan tidak dibawa pada nilai saksama melalui untung atau rugi setelah mengalami kejejasan. Aset kewangan atau sekumpulan aset-aset kewangan terjejas apabila bukti objektif ada menunjukkan bahawa peristiwa kerugian telah berlaku selepas pengiktirafan awalan aset atau kumpulan aset tersebut dan peristiwa kerugian tersebut mempunyai kesan kepada aliran tunai masa depan aset atau kumpulan aset tersebut yang boleh dianggarkan secara munasabah.

Bukti objektif bahawa aset kewangan (termasuk sekuriti-sekuriti ekuiti) terjejas boleh merangkumi kesukaran kewangan yang signifikan bagi peminjam atau penerbit; tidak berbayar atau tunggakan oleh peminjam; penstrukturan semula pinjaman atau pendahuluan oleh Kumpulan dan Bank pada terma bahawa Kumpulan dan Bank sebaliknya tidak akan mempertimbangkan; petunjuk bahawa peminjam atau penerbit akan mengalami muflis; hilang daripada pasaran aktif untuk sekuriti; atau data lain yang boleh diamati berkaitan dengan sekumpulan aset seperti perubahan yang bertentangan dengan status pembayaran peminjam atau penerbit dalam kelompok; atau kedudukan ekonomi yang berkaitan dengan tidak mampu bayar kumpulan tersebut. Sebagai tambahan untuk pelaburan dalam sekuriti ekuiti, pengurangan yang ketara atau berpanjangan di dalam nilai saksama di bawah kos ialah bukti yang objektif kejejasan nilai.

##### i) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan

Kumpulan dan Bank mengambilkira bukti kejejasan nilai pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan pada tahap kolektif. Kesemua pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang secara individu signifikan dinilai kejejasan secara individu. Jika semua pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang secara individu signifikan dan didapati tidak mengalami kejejasan secara khusus akan dinilai secara kolektif untuk kejejasan yang telah berlaku tetapi belum dikenalpasti.

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang secara individunya tidak signifikan dinilai secara kolektif untuk kejejasan dengan mengklaskan bersama pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan mengikut ciri-ciri risiko yang serupa.

Di dalam menilai kejejasan kolektif, Kumpulan dan Bank menggunakan permodelan statistik bagi tren kebarangkalian kegagalan patuh kontrak, masa pemulihan dan jumlah kerugian yang berlaku. Ianya diselaraskan untuk pertimbangan pengurusan sama ada kedudukan kredit dan ekonomi semasa merupakan kerugian-kerugian sebenar melebihi atau kurang daripada yang dicadangkan oleh permodelan sejarah (historical modelling). Kadar tidak berbayar, kadar kerugian dan jangkaan pemulihan masa depan sentiasa ditanda aras berasaskan keputusan sebenar untuk memastikan bahawa ia kekal sesuai.

Kerugian terkumpul yang telah diklasifikasi semula dari pendapatan komprehensif lain kepada untung atau rugi ialah perbezaan antara harga perolehan (setelah dikurangkan pembayaran balik pokok dan pelunasan) dan nilai saksama semasa (yang dikurangkan sebarang kerugian kejejasan sebelumnya yang telah diiktiraf dalam untung atau rugi).

Apabila peristiwa berikutnya menyebabkan jumlah kerugian kejejasan nilai menurun, penurunan dalam kerugian kejejasan akan diselaraskan semula melalui untung atau rugi.

Kerugian kejejasan atas aset yang dibawa pada kos dilunaskan diukur sebagai perbezaan antara nilai bawaan aset kewangan dan nilai kini bagi anggaran aliran tunai masa depan didiskaunkan pada kadar faedah/untung efektif asal aset tersebut. Kerugian kejejasan diiktiraf di dalam untung atau rugi dan dinyatakan dalam akaun elaun pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan. Faedah dan untung ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang terjejas akan diiktiraf secara berterusan melalui 'unwinding' diskaun.

Perubahan dalam elaun-elaun kejejasan menyumbang kepada nilai masa adalah digambarkan sebagai komponen pendapatan faedah/untung.

## 2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

### i) Aset dan liabiliti kewangan (Sambungan)

#### f) Pengenalpastian dan pengukuran kejejasan nilai (Sambungan)

##### i) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan (Sambungan)

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan diklasifikasikan sebagai terjejas apabila pokok atau faedah/untung atau kedua-duanya telah tidak berbayar untuk tempoh 90 hari ke atas atau tidak berbayar kurang daripada itu disokong oleh tanda-tanda kelemahan kredit pada pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan berkenaan.

Kumpulan dan Bank akan menghapuskira pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan tertentu apabila ianya dapat dikenalpasti tidak boleh dikutip semula.

##### ii) Sekuriti pelaburan dipegang hingga matang

Untuk sekuriti dibawa pada kos dilunaskan yang terdapat bukti kejejasan yang jelas, kerugian kejejasan diukur sebagai perbezaan antara amaun bawaan sekuriti dan nilai kini anggaran aliran tunai masa depan didiskaunkan pada kadar faedah/untung efektif asal sekuriti. Amaun kerugian kejejasan diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif. Faedah dan untung ke atas sekuriti pelaburan dipegang hingga matang yang terjejas akan diiktiraf secara berterusan melalui 'unwinding' diskaun.

Penarikbalikan kerugian kejejasan berikutnya diiktiraf apabila penurunan ini secara objektif boleh dikaitkan kepada satu peristiwa yang terjadi selepas kejejasan diiktiraf, sehingga amaun bawaan sekuriti tidak melebihi kos dilunaskan apabila tiada kejejasan diiktiraf. Penarikbalikan kerugian kejejasan diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif.

Untuk sekuriti dibawa pada kos, kerugian kejejasan diukur sebagai perbezaan antara amaun bawaan sekuriti dan nilai kini anggaran aliran tunai masa depan didiskaunkan pada kadar pulangan pasaran semasa untuk sekuriti yang serupa. Amaun kerugian kejejasan diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif dan kerugian kejejasan sedemikian tidak akan dibalikkan selepas pengiktirafannya. Kumpulan dan Bank akan menghapuskira sekuriti pelaburan dipegang hingga matang tertentu apabila ianya dapat dikenalpasti tidak boleh dikutip semula.

##### iii) Sekuriti pelaburan tersedia untuk jualan

Bagi sekuriti tersedia untuk jualan yang terdapat bukti kejejasan yang jelas, kerugian kejejasan terkumpul yang telah diiktiraf secara langsung dalam ekuiti akan dipindahkan daripada ekuiti kepada penyata pendapatan komprehensif, walaupun sekuriti belum dinyahiktiraf. Kerugian kejejasan terkumpul diukur sebagai perbezaan antara kos pemerolehan (selepas sebarang bayaran balik pokok dan pelunasan) dan nilai saksama semasa (ditolak sebarang kerugian kejejasan yang sebelum ini diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif).

Kerugian kejejasan ke atas pelaburan dalam instrumen ekuiti diklasifikasikan sebagai tersedia untuk jualan tidak akan dibalikkan selepas pengiktirafannya. Penarikbalikan kerugian kejejasan ke atas instrumen hutang yang diklasifikasikan sebagai tersedia untuk jualan diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif jika peningkatan dalam nilai saksama secara objektif boleh dikaitkan dengan suatu peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan kerugian kejejasan dalam penyata pendapatan komprehensif.

Kerugian-kerugian kejejasan bagi sekuriti pelaburan tersedia untuk jualan diiktiraf melalui pemindahan kerugian terkumpul yang telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain kepada untung atau rugi sebagai pelarasan pengelasan semula. Apabila peristiwa berikutnya menyebabkan jumlah kerugian kejejasan nilai menurun, penurunan dalam kerugian kejejasan akan diselaraskan semula melalui untung atau rugi.

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

### 2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

#### i) Aset dan liabiliti kewangan (Sambungan)

##### f) Pengenalpastian dan pengukuran kejejasan nilai (Sambungan)

##### iii) Sekuriti pelaburan tersedia untuk jualan (Sambungan)

Jika dalam tempoh berikutnya nilai saksama bagi sekuriti hutang tersedia untuk jualan yang telah terjejas meningkat dan peningkatan tersebut secara objektifnya dapat dikaitkan dengan peristiwa yang berlaku selepas kerugian kejejasan telah diiktiraf dalam untung atau rugi, kerugian kejejasan diselaraskan semula dengan amaun pelarasan yang diiktiraf dalam untung atau rugi. Bagaimanapun, sebarang bayaran balik dalam nilai saksama sekuriti pelaburan ekuiti tersedia untuk dijual yang terjejas diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain. Kumpulan dan Bank akan menghapuskira sekuriti pelaburan tersedia untuk jualan tertentu apabila ianya dapat dikenalpasti tidak boleh dikutip semula.

##### g) Penandaan pada nilai saksama melalui untung atau rugi

Aset dan liabiliti kewangan Kumpulan dan Bank telah ditanda pada nilai saksama melalui untung atau rugi dalam keadaan-keadaan berikut:

- i) Aset-aset atau liabiliti-liabiliti diurus, dinilai dan dilaporkan secara dalaman berasaskan nilai saksama.
- ii) Penandaan ini menyingkirkan atau mengurangkan secara signifikan suatu perbezaan perakaunan yang mungkin wujud.
- iii) Aset atau liabiliti mengandungi derivatif terbenam yang secara signifikan mengubah aliran tunai yang mungkin diperlukan di dalam kontrak.

Nota 34 menunjukkan jumlah bagi setiap klas aset atau liabiliti kewangan yang telah ditandakan pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Penjelasan kepada asas untuk setiap penandaan seperti di dalam nota setiap aset dan liabiliti kewangan.

##### h) Kejejasan aset dan liabiliti bukan kewangan

Amaun bawaan bagi aset-aset dan liabiliti-liabiliti bukan kewangan Kumpulan dan Bank dikaji semula pada setiap tarikh kedudukan kewangan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kejejasan. Jika terdapat sebarang petunjuk sedemikian, amaun boleh-pulih aset dianggarkan dan kerugian kejejasan diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif Kumpulan dan Bank.

Dasar tentang kejejasan aset-aset dan liabiliti-liabiliti bukan kewangan diringkaskan seperti berikut:

##### i) Muhibah

Muhibah yang mempunyai jangka hayat tidak terhad diuji setiap tahun untuk kejejasan, atau secara lebih kerap jika peristiwa atau perubahan dalam keadaan menunjukkan yang ia mungkin terjejas. Untuk ujian kejejasan, muhibah daripada gabungan perniagaan diperuntukkan kepada unit penjana tunai ('CGU') yang dijangka akan mendapat manfaat daripada sinergi gabungan perniagaan.

Amaun boleh-pulih ditentukan untuk setiap CGU berasaskan nilainya dalam penggunaan. Dalam mentaksir nilai dalam penggunaan, anggaran aliran tunai masa depan didiskaunkan kepada nilai kini menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang mencerminkan penaksiran pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko-risiko khusus kepada aset tersebut.

Kerugian kejejasan diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif apabila amaun bawaan bagi CGU, termasuk muhibah, melebihi amaun boleh-pulih CGU. Jumlah kerugian kejejasan diagihkan, pertama, untuk mengurangkan amaun bawaan muhibah yang diperuntukkan kepada CGU dan kemudiannya kepada aset CGU lain atas dasar pro-rata.

## 2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

### i) Aset dan liabiliti kewangan (Sambungan)

#### h) Kejejasan aset dan liabiliti bukan kewangan (Sambungan)

##### ii) Aset-aset lain

Aset-aset lain seperti hartanah, loji dan kelengkapan, pelaburan dalam anak-anak syarikat dan syarikat bersekutu dikaji semula untuk petunjuk kejejasan yang objektif pada setiap tarikh kedudukan kewangan atau apabila terdapat sebarang petunjuk yang aset-aset ini mungkin terjejas. Jika terdapat petunjuk sedemikian, kerugian kejejasan ditentukan sebagai lebih daripada nilai bawaan aset mengatasi amaun boleh pulihnya (yang lebih besar antara nilai dalam kegunaan atau nilai saksama tolak kos untuk dijual) dan diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif. Sebarang penarikbalikan kerugian kejejasan untuk aset-aset ini diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif. Amaun bawaan dinaikkan kepada amaun boleh-pulih setelah semakan, dengan syarat amaun tersebut tidak melebihi amaun bawaan yang sepatutnya telah ditentukan (bersih selepas pelunasan atau susutnilai) jika tiada kerugian kejejasan diiktiraf untuk aset-aset tersebut pada tahun-tahun sebelumnya.

### j) Wang tunai dan kesetaraan tunai

Wang tunai dan kesetaraan tunai termasuk wang tunai, baki bank dan deposit di bank-bank dan institusi kewangan lain. Tunai dan kesetaraan tunai dibawa pada nilai dilunaskan dalam penyata kedudukan kewangan.

### k) Aset dan liabiliti dagangan

Aset dan liabiliti dagangan ialah aset-aset dan liabiliti-liabiliti yang diperolehi oleh Kumpulan dan Bank dengan tujuan utamanya untuk dijual atau dibeli kembali dalam tempoh terdekat atau dipegang sebagai sebahagian daripada portfolio yang dikendalikan bersama untuk keuntungan jangka pendek atau untuk tujuan peletakan.

Aset dan liabiliti dagangan pada awalnya diiktiraf dan berikutnya diukur pada nilai saksama dalam penyata kedudukan kewangan, dengan kos transaksi yang diiktiraf dalam untung atau rugi. Semua perubahan nilai saksama diiktiraf sebagai sebahagian daripada pendapatan dagangan bersih dalam untung atau rugi. Aset dan liabiliti dagangan tidak diklaskan selepas pengiktirafan awalan, kecuali aset dagangan bukan derivatif, melainkan yang ditandakan pada nilai saksama melalui untung atau rugi ketika pengiktirafan awalan, kemungkinan diklaskan semula dari kategori nilai saksama melalui untung atau rugi (iaitu dagangan) sekiranya ianya tidak lagi dipegang untuk tujuan jualan atau belian kembali dalam tempoh terdekat dan keadaan-keadaan berikut ini dipenuhi:

- i) Jika aset kewangan telah memenuhi definisi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dan belum terima (jika aset kewangan tidak diperlukan untuk diklasifikasikan sebagai pegangan untuk dagangan pada ketika pengiktirafan awalan) seterusnya mungkin akan diklasifikasikan semula sekiranya Kumpulan dan Bank mempunyai niat dan kemampuan untuk memegang aset kewangan itu untuk masa depan atau sehingga matang.
- ii) Jika aset kewangan tidak memenuhi definisi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dan belum terima, maka ia mungkin diklasifikasikan semula daripada kategori dagangan hanya dalam 'keadaan-keadaan yang jarang berlaku'.

### l) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan ialah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran-bayaran yang telah ditentukan dan telah ditetapkan yang mana tidak disiar di pasaran aktif dan Kumpulan dan Bank tidak berniat untuk menjual serta merta atau dalam tempoh terdekat.

Apabila Kumpulan dan Bank ialah pemberi pajak dalam perjanjian pajakan yang mengalihkan sebahagian besar ganjaran dan risiko yang berkaitan dengan pemilikan aset kepada penerima pajak, perjanjian itu diklasifikasikan sebagai pajakan kewangan dan belum terima yang bersamaan pelaburan bersih di dalam pajakan tersebut diiktiraf dan dibentangkan dalam pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan.



## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

### 2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

#### l) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan (Sambungan)

Apabila Kumpulan dan Bank membeli aset kewangan dan dengan serentak membuat perjanjian untuk menjual semula aset (atau aset-aset yang sebahagian besar ialah aset-aset yang sama) pada harga tetap pada tarikh hadapan (reverse repo or stock borrowing), perjanjian ini diambilkira sebagai pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dan aset-aset yang telah digariskan tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Bank.

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan pada awal diukur pada nilai saksama (ditambah kos transaksi langsung) dan berikutnya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah/untung efektif, kecuali Kumpulan dan Bank memilih untuk mengklaskan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan pada nilai saksama melalui untung atau rugi seperti yang dijelaskan di dalam dasar perakaunan; rujuk Nota i(e).

#### m) Sekuriti pelaburan

Sekuriti pelaburan Kumpulan dan Bank diklasifikasikan menurut kategori berikut, bergantung kepada tujuan sekuriti tersebut diperolehi.

Sekuriti pelaburan pada awalnya diukur pada nilai saksama ditokok, dalam kes di mana sekuriti pelaburan tidak pada nilai saksama melalui untung atau rugi, kos transaksi langsung dan berikutnya diakaunkan bergantung kepada klasifikasi sama ada dipegang hingga matang, nilai saksama melalui untung atau rugi atau tersedia untuk jualan.

#### i) Dipegang hingga matang

Sekuriti dipegang hingga matang ialah aset bukan derivatif dengan bayaran balik tetap dan boleh ditentukan serta mempunyai tarikh kematangan tetap yang mana Kumpulan dan Bank mempunyai niat positif dan kemampuan untuk memegang sehingga matang dan tidak ditanda pada nilai saksama melalui untung atau rugi atau sebagai tersedia untuk jualan.

Sekuriti dipegang hingga matang dibawa pada kos dilunaskan dengan menggunakan kaedah kadar efektif. Jualan atau klasifikasi semula amaun yang tidak signifikan bagi sekuriti dipegang hingga matang akan mengakibatkan pengelasan semula semua sekuriti dipegang hingga matang sebagai sekuriti tersedia untuk jualan. Ini akan juga menghalang Kumpulan dan Bank dari mengklasifikasikan sekuriti dipegang hingga matang untuk tahun semasa dan dua tahun kewangan berikutnya. Bagaimanapun, penjualan dan klasifikasi semula dalam sebarang keadaan berikut tidak akan mencetuskan kepada klasifikasi semula seperti berikut:

- a) Jualan atau klasifikasi semula yang menghampiri kematangan dan perubahan dalam kadar faedah pasaran tidak akan mempunyai kesan yang signifikan terhadap nilai saksama aset kewangan.
- b) Jualan atau klasifikasi semula selepas Kumpulan dan Bank membuat kutipan sebahagian besar pokok asal aset.
- c) Jualan atau klasifikasi semula yang menyumbang kepada peristiwa yang tak berulang dan di luar kawalan Kumpulan dan Bank dan ianya di luar jangkauan munasabah.

Saham yang tidak disembutharga dalam organisasi yang ditubuhkan untuk tujuan sosioekonomi dan instrumen ekuiti yang diterima hasil penstrukturan semula pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan atau pertukaran pinjaman yang tidak mempunyai harga pasaran disiar dalam pasaran aktif dan yang nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti, juga diklasifikasikan sebagai sekuriti dipegang hingga matang.

Sekuriti dipegang hingga matang diukur pada kos ditambah/dilunaskan berasaskan kaedah kadar hasil efektif, ditolak kejejasan, sekiranya ada. Pelunasan premium, pertambahan diskaun dan kejejasan serta laba atau kerugian yang timbul akibat penyahiktirafan sekuriti dipegang hingga matang, diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif.

